

**KEPENTINGAN PEMULIHARAAN KOMPLEKS
SEJARAH MATANG DI PERAK**

NURFARAH NASUHA BINTI NORHAMIDI

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN**

2022

ETKWW



KEPENTINGAN PEMULIHARAAN KOMPLEKS SEJARAH MATANG DI PERAK

Oleh

NURFAH NASUHA BINTI NORHAMIDI

**Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

☒

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan Oleh:

(Tanda tangan pelajar)

Tarikh: 19 Februari 2022

(Tanda tangan penyelia)

Nama:
Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana diberikan peluang untuk melengkapkan penyelidikan tugas akhir pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian. Sepanjang melengkapkan penyelidikan ini, terdapat cabaran dan dugaan yang perlu di tempuhi dengan sabar dan jiwa yang kental. Hal ini menjadikan saya lebih kuat dari segi mental dan fizikal bagi menyempurnakan tugas yang telah diamanahkan.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua pensyarah elektif Konservasi Warisan kerana telah mendidik dan membantu saya sepanjang menjalankan kajian ini terutama sekali kepada Puan Nur Athmar binti Hashim iaitu supervisor dan merangkap kepada mentor saya. Beliau tidak jemu memberi nasihat dan teguran berulang kali bagi membetulkan setiap kesalahan pada kajian ini. Disamping itu, saya juga ingin memberikan penghargaan kepada pihak Kompleks Sejarah Matang kerana memberikan kerjasama yang mantap dalam membantu saya untuk mendapatkan data spesifik bagi menjawab objektif kajian.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada ahli keluarga dan kawan-kawan seperjuangan yang banyak memberikan dorongan moral untuk saya kekal kuat bagi meneruskan kajian ini. Terima kasih kepada kedua ibu bapa dan adik beradik saya yang telah bersusah-payah untuk menerapkan semangat bagi melengkapkan penyelidikan ini. Tanpa bantuan semua pihak, tidak mungkin saya akan sampai sejauh ini. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas jasa baik semua pihak yang membantu saya secara langsung dan tidak langsung.

Saya mengharapkan kajian ilmiah ini dijadikan sebagai rujukan buat pihak yang memerlukannya. Diharapkan kajian ini dapat memberi faedah kepada semua pihak untuk digunakan pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Nurfarah Nasuha binti Norhamidi

C18A0330

Universiti Malaysia Kelantan

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN		MUKA
TESIS		SURAT
PENGHARGAAN		i
ISI KANDUNGAN		ii
ABSTRAK		iii
ABSTRACT		iv
BAB 1	PENGENALAN	v
	1.1 Pengenalan	1
	1.1.1 Pengenalan Kajian	1
	1.2 Kajian Terdahulu	4
	1.3 Latar Belakang	8
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Permasalahan Kajian	10
	1.7 Lokasi Kajian	12
	1.8 Kepentingan Kajian	15
	1.9 Skop Kajian	16
	1.10 Struktur Tesis	17
	1.11 Rumusan Bab	20
BAB 2	KONSERVASI BANGUNAN DI MALAYSIA	
	2.1 Pengenalan	21
	2.2 Konservasi Bangunan	21
	2.2.1 Konservasi Rumah Abdul Ghani	22
	2.2.2 Konservasi Rumah No 138 Hutton Lane	24

2.2.3	Konservasi Rumah Tiang Kembar dan Rumah Limas	25
2.2.4	Konservasi Masjid Mulong	26
2.3	Konservasi Kuratif	27
2.3.1	Pemuliharaan	28
2.3.2	Pemeliharaan	29
2.3.3	Rekonstruksi	30
2.3.4	Restorasi	31
2.4	Kompleks Sejarah Matang	32
2.5	Rumusan Bab Kedua	34
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	37
3.2	Metodologi Kajian	38
3.3	Kaedah Kualitatif	40
3.4	Sumber Sekunder	41
3.4.1	Kaedah Perpustakaan	41
3.5	Sumber Primer	43
3.5.1	Kaedah Temu Bual	45
3.5.1.1	Jenis Temu Bual	48
3.5.1.2	Proses Temu Bual	51
3.5.2	Kaedah Pemerhatian	55
3.5.2.1	Proses Pemerhatian	58
3.6	Analisis Data	60
3.7	Rumusan Bab Tiga	61
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	63
4.2	Faktor-Faktor Kerosakan Kompleks Sejarah	64

Matang di Perak	
4.3 Faktor Kerosakan Ekstrusif	65
4.3.1 Faktor Kerosakan Disebabkan Oleh Manusia	67
4.3.2 Faktor Kerosakan Disebabkan Oleh Bencana Alam	70
4.3.3 Faktor Kerosakan Disebabkan Oleh Kelembapan	72
4.4 Kaedah Pemuliharaan dan Pemeliharaan Kompleks Sejarah Matang di Perak	76
4.4.1 Kaedah Pemuliharaan	77
4.4.2 Kaedah Pemeliharaan	82
4.5 Rumusan Bab	91
 BAB 5	
KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	93
5.2 Rumusan Kajian	93
5.3 Cadangan Kajian	96
5.4 Penutup	99
 RUJUKAN	102
 LAMPIRAN	105
 CARTA GANTT	108

SENARAI RAJAH

	MUKA SURAT
Rajah 1.1 Peta Negeri Perak	13
Rajah 1.2 Peta Daerah Larut, Matang, Dan Selama	14
Rajah 3.1 Kaedah Metodologi Yang Digunakan Dalam Proses Penyelidikan	39
Rajah 3.2 Panduan Bagi Proses Kaedah Temu Bual	45
Rajah 3.3 Bukti Proses Awal Berhubung Dengan Pihak Kompleks Sejarah Matang	46
Rajah 3.4 Bukti Perekodan Suara Melalui Kaedah Temu Bual	47
Rajah 3.5 Bukti Kaedah Temu Bual Yang Digunakan Dalam Mendapatkan Kajian Awal	49
Rajah 3.6 Bukti Pengumpulan Maklumat Awal Yang Direkod	49
Rajah 3.7 Aplikasi Whatsapp Sebagai Medium Perhubungan Dengan Pihak Kompleks Sejarah Matang	50
Rajah 3.8 Bukti Pemerolehan Data Daripada Ketua Kompleks Sejarah Matang	51
Rajah 3.9 Sesi Pemerolehan Data Semasa Kajian Yang Dijalankan	52
Rajah 3.10 Proses Kaedah Temu Bual Secara Keseluruhan	54
Rajah 3.11 Panduan Awalan Bagi Proses Kaedah Pemerhatian	56
Rajah 3.12 Proses Kaedah Pemerhatian Yang Telah Dilakukan Di Kompleks Sejarah Matang	58
Rajah 4.1 Senarai Faktor-Faktor Kerosakan Yang Berlaku Pada Kompleks Sejarah Matang	66
Rajah 4.2 Rumah Ngah Ibrahim Yang Dijadikan Sebagai Sekolah Kebangsaan Matang	69
Rajah 4.3 Sebahagian Dinding Bangunan Mengalami Pertumbuhan Lumut Disebabkan Kelembapan Yang Tinggi	74

Rajah 4.4	Keadaan Pada Bahagian Bumbung Yang Mengalami Kerosakan Disebabkan Oleh Beberapa Faktor Seperti Kelembapan	75
Rajah 4.5	Kerja-Kerja Pemuliharaan Pada Bangunan Asal Rumah Ngah Ibrahim	78
Rajah 4.6	Kerja-Kerja Pemuliharaan Pada Bahagian Bumbung Bangunan	79
Rajah 4.7	Proses Pemuliharaan Pada Bahagian Hadapan Bangunan Kompleks Sejarah Matang	80
Rajah 4.8	Contoh Senarai Kerja Pemeliharaan Yang Dijalankan Pada Bangunan Kompleks Sejarah Matang	83
Rajah 4.9	Notis Kerja Sebutharga Bagi Kerja Sistem Saliran Air	85
Rajah 4.10	Notis Kerja Sebutharga Bagi Kerja-Kerja Baikpulih	86
Rajah 4.11	Pemilihan Bagi Kerja Penyelenggaraan Sistem Saliran	88
Rajah 4.12	Pemilihan Bagi Kerja Baikpulih Fasiliti	88
Rajah 5.1	Seni Bina Bangunan Muzium Matang Di Perak	99

KEPENTINGAN PEMULIHARAAN KOMPLEKS SEJARAH MATANG DI PERAK

ABSTRAK

Kompleks Sejarah Matang merupakan sebuah kota lama yang maju dan dimiliki oleh Tengku Menteri Ngah Ibrahim. Beliau adalah seorang pembesar Melayu yang amat terkenal suatu ketika dahulu. Rumah Ngah Ibrahim merupakan salah satu bangunan yang berada di dalam kompleks tersebut dan mempunyai keistimewaan serta kepentingan suatu ketika dahulu kepada masyarakat setempat. Setelah melalui tempoh yang panjang, terdapat beberapa kerosakan yang berlaku kepada bangunan tersebut sebelum diwartakan sebagai muzium. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada dua objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti faktor-faktor kerosakan Kompleks Sejarah Matang di Perak dan untuk mengetahui kaedah yang digunakan dalam memulihara dan memelihara kompleks tersebut. Bagi mendapatkan data kajian, kaedah metodologi seperti keperpustakaan, temu bual, serta pemerhatian telah diaplikasikan dengan bantuan daripada pihak Kompleks Sejarah Matang. Pada bahagian lampiran ini, disertakan juga senarai soalan yang dijadikan sebagai bahan temu bual. Akhir sekali, diharapkan kajian ini mampu membuka mata masyarakat untuk menghargai dan memperkenalkan bangunan warisan yang terdapat di Matang, Perak. Disamping itu, kajian yang dijalankan ini boleh menjadi sebuah rujukan ilmiah untuk mengetahui mengenai faktor kerosakan dan kaedah yang digunakan bagi memulihara dan memelihara rumah Ngah Ibrahim yang terdapat di Kompleks Sejarah Matang, Perak.

Kata Kunci: Kompleks Sejarah Matang, Perak, Ngah Ibrahim, Faktor Kerosakan,

Kaedah Pemuliharaan, Kaedah Pemeliharaan

THE IMPORTANCE OF CONSERVATION TOWARDS MATANG HISTORICAL COMPLEX

ABSTRACT

Matang Historical Complex is an old town that is developed and owned by Tengku Menteri Ngah Ibrahim. He was a very famous Malay dignitary in the past. Rumah Ngah Ibrahim is one of the buildings in the complex and has the privilege and importance of the past to the local community. After going through a long period, there was some damage that happened to the building before it was gazetted as a museum. Therefore, this study focuses on two objectives of the study, namely to identify the damage factors of the Mature Historical Complex in Perak and to find out the methods used in conserving and preserving the complex. To obtain research data, methodological methods such as library, interviews, and observations were applied with the help of the Matang History Complex. In this appendix, a list of questions used as interview material is also included. Finally, it is hoped that this study can open the eyes of the community to appreciate and introduce the heritage buildings found in Matang, Perak. In addition, this study can be a scientific reference to find out about the damage factors and methods used to preserve and preserve Ngah Ibrahim's house located in the Matang Historical Complex, Perak.

Keywords: Mature Historical Complex, Perak, Ngah Ibrahim, Damage Factors, Conservation Methods, Conservation Methods

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penghasilan tesis bagi melengkapkan Ijazah Sarjana Muda ini memfokuskan pada tajuk Kepentingan Pemuliharaan Kompleks Sejarah Matang di Perak. Pemuliharaan yang dijalankan ini melibatkan rumah Orang Kaya-Kaya Tengku Menteri Ngah Ibrahim iaitu jutawan Tanah Melayu abad ke 19. Rumah itu telah dijadikan sebagai sebuah muzium pada masa kini. Kajian ini juga cuba untuk memberi penerangan mengenai pemuliharaan yang telah dijalankan pada rumah Ngah Ibrahim. Pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan pada rumah Ngah Ibrahim pernah melibatkan kerjasama dengan Jabatan Muzium Malaysia suatu ketika dahulu. Oleh itu, kajian yang dihasilkan ini dapat memberi satu input yang baru mengenai pemuliharaan bangunan bersejarah di Matang, Perak. Pada bab pertama juga akan menerangkan mengenai pengenalan kajian, kajian terdahulu, latar belakang kajian, objektif kajian, persoalan kajian, permasalahan kajian, lokasi kajian, kepentingan kajian, skop kajian, struktur tesis, dan rumusan bab pertama.

1.1.1 Pengenalan Kajian

Pemuliharaan merupakan antara langkah yang dilakukan dalam bidang kerja konservasi. Pemuliharaan juga sering dikaitkan bersama pemeliharaan kerana dua aspek ini saling berhubungan dan berkait rapat dalam kerja memulihkan sesuatu artifak atau bangunan. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Pertama (Sheikh Othman Sheikh Salim, 1984), pemuliharaan bermaksud perihal (proses, usaha, perbuatan, dan sebagainya) memulihara (sesuatu). Manakala, menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), pemuliharaan ini adalah seperti pemeliharaan, pembaikpulihan, pembinaan semula, pemulihan, dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya. Pemuliharaan melibatkan pelbagai langkah kerja untuk memastikan sesebuah bangunan warisan itu dijaga tanpa perlu dirosakkan atau dimusnahkan bagi menjaga nilai keaslian bangunan tersebut.

Pemuliharaan adalah langkah pertama yang akan dikenal pasti dalam melengkapkan kajian ini. Langkah seterusnya adalah dengan menghuraikan kerja-kerja pemeliharaan yang pernah diaplikasikan pada Muzium Matang tersebut. Menurut jurnal yang bertajuk 'Pemuliharaan Tokoh Orang Hidup Daripada Perspektif Akta Warisan Kebangsaan 2005 (AKTA 645)' yang ditulis oleh Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2017), pemeliharaan bermaksud memberhentikan kemerosotan pada sesuatu objek sama ada kemerosotan lanjut, berulang, atau keadaan usang. Pemeliharaan

adalah proses untuk mengekalkan objek pada keadaan asal supaya tidak akan mengalami kerosakan. Teknik yang digunakan ini juga adalah salah satu teknik untuk memperlahankan sesuatu struktur itu daripada berlakunya kerosakan panjang.

Kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan ini dilakukan pada Kompleks Sejarah Matang yang merupakan sebuah bangunan bersejarah yang terletak di daerah Larut Matang dan Selama. Kompleks Sejarah Matang ini dikenali juga sebagai Muzium Matang, Kompleks Kota Ngah Ibrahim, dan Kompleks Sejarah Kota Ngah Ibrahim. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Pertama (Sheikh Othman Sheikh Salim, 1984), kompleks bermaksud kumpulan bangunan atau binaan yang terdiri daripada beberapa binaan dan sebagainya yang bercantum menjadi suatu keseluruhan. Sejarah pula adalah asal usul atau peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau mahupun kajian atau pengetahuan mengenai peristiwa-peristiwa yang telah lalu. Matang pula merupakan nama kawasan bagi daerah Larut, Matang, dan Selama.

Bagi melengkapkan penyelidikan ini, terdapat beberapa proses yang dilakukan dengan bantuan sumber utama iaitu pihak Kompleks Sejarah Matang di Perak. Penyelidikan yang dilakukan ini juga memfokuskan bangunan muzium yang telah mengalami proses pemuliharaan dan pemeliharaan suatu ketika dahulu. Proses ini dilaksanakan berikutan terdapat beberapa kerosakan yang boleh

mengancam nyawa bangunan bersejarah tersebut. Pada kajian ini, segala bukti dipamerkan bagi mengukuhkan lagi pernyataan mengenai langkah pemuliharaan yang telah berlaku itu. Oleh itu, penyelidikan ini dibahagikan kepada beberapa bahagian supaya dapat menyampaikan secara terang mengenai kes kajian yang dilaksanakan.

1.2 Kajian Terdahulu

Kajian mengenai Kompleks Sejarah Matang dilakukan oleh penyelidik dalam mengenal pasti atau menyelidik sejarah dan warisan kompleks tersebut. Kajian ini juga dilakukan berdasarkan kepada beberapa sumber yang dirujuk sama ada dalam bentuk laman web rasmi, buku, dan kajian lepas yang dijumpai dalam internet.

Menurut laman web rasmi Majlis Perbandaran Taiping (n.d.), Kompleks Sejarah Kota Ngah Ibrahim atau nama barunya iaitu Kompleks Sejarah Matang merupakan salah satu usaha pembinaan yang dilakukan sendiri oleh Ngah Ibrahim. Kompleks ini pernah dijadikan sebagai kediaman beliau, pusat pentadbiran dan sebuah kota. Disamping itu, bangunan ini pernah dijadikan sebagai Maktab Perguruan Melayu Matang, Markas Tentera Jepun, dan Sekolah Melayu setelah beliau meninggal dunia. Terdapat pelbagai faktor yang mengubah fungsi bangunan ini mengikut keadaan semasa ketika itu. Bangunan ini sangat unik kerana diperbuat daripada batu bata sahaja dan keunikan serta

kepentingan ini menjadi salah satu sebab mengapa bangunan atau kompleks ini diserahkan di bawah penguasaan Jabatan Muzium Malaysia.

Berdasarkan *ebook* bertajuk Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan di Malaysia yang ditulis oleh Abdul Aziz Hussin (2011) terbitan Universiti Sains Malaysia menyentuh mengenai bangunan warisan iaitu Kota Sejarah Ngah Ibrahim. Secara amnya, buku tersebut mengambil kira dari aspek bandar Taiping sebagai Bandar Warisan kerana mempunyai kelebihan tersendiri seperti keunikan gaya seni bina, bangunan warisan sejarah yang masih utuh pada masa kini termasuk Kompleks Sejarah Matang. Tinggalan warisan sejarah ini jika dijaga dengan baik dapat menjadi sebagai bahan dalam kajian ataupun kepada tatapan pelancong dan generasi hadapan. Kepentingan bangunan ini harus dititikberatkan supaya diberi perhatian oleh masyarakat khususnya.

Jurnal bertajuk 'Pemerhatian Awal: Kesedaran Komuniti Tempatan Terhadap Pemuliharaan dan Penyesuaian guna semula Bangunan Warisan di Perak' yang ditulis oleh Daeng Haliza Daeng Jamal dan Zuliskandar Ramli (2015), menerangkan berkaitan maklum balas responden mengenai kepentingan bangunan warisan di Perak. Antara senarai bangunan bersejarah yang terpilih di Perak adalah Muzium DiRaja Perak, Rumah Ngah Ibrahim, Pejabat Pos Lama Ipoh, dan sebagainya. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan negara. Hal ini kerana, masyarakat memainkan peranan penting untuk menjaga

sesebuah khazanah negara dan tidak hanya berpandukan kepada pihak berwajib sahaja.

Selain itu, kawasan Matang menjadi satu sejarah penting bagi negeri Perak kerana merupakan gudang simpanan bijih timah yang telah di lombong di kawasan Larut. Hal ini menunjukkan Matang adalah sebuah pekan kecil yang penting bagi pembangunan ekonomi Taiping ketika itu. Menurut jurnal yang bertajuk Larut, Matang dan Selama: Suatu Sorotan Sejarah yang dikarang oleh Nordin Hussin, M.A. (n.d), mengatakan bahawa terdapat tempat simpanan bijih timah di dalam kota Ngah Ibrahim. Kota tersebut yang juga dijadikan sebagai kediaman Long Jaafar adalah suatu lokasi yang strategik untuk menyimpan bijih timah. Hal ini kerana, kota itu dilengkapi dengan pembinaan tembok yang tinggi. Tembok ini dijadikan sebagai kubu pertahanan. Hal ini kerana, bijih timah merupakan salah satu sumber yang berharga pada zaman tersebut. Malahan, kompleks ini juga dibina berhampiran dengan Sungai Larut yang merupakan kawasan utama bagi urusan perdagangan yang diuruskan sendiri oleh Long Jaafar.

Kompleks Sejarah Matang sangat memainkan peranan penting kepada masyarakat dahulu terutamanya. Ketika peperangan Larut Matang berlaku, kebanyakan masyarakat Matang ketika itu berkumpul dan berlindung di sebalik Kompleks Sejarah Matang ini. Hal ini juga kerana, terdapat tembok yang melindungi kota tersebut. Berdasarkan laporan yang bertajuk Sejarah Matang Dalam Cerita Lisan 1910-1987 yang ditulis oleh Mustafa Hussain, terdapat beberapa fasa kegunaan atau

kepentingan Kompleks Sejarah Matang ini ketika dahulu kala antara yang pertama adalah sebagai kediaman Ngah Ibrahim. Kemudian, berubah kepada tempat perlindungan masyarakat Melayu semasa berlakunya peperangan. Kota ini juga dijadikan tempat pengurungan enam orang pahlawan Melayu seperti Dato Sri Maharajalela. Setelah itu, kompleks ini diubah suai kepada Kolej Guru-Guru Melayu, sekolah berasrama penuh, dan kemudian dijadikan sebagai kawasan tapak pendudukan Jepun ketika Jepun menjajah Tanah Melayu.

Perkataan kota amat berkait rapat dengan kesultanan Melayu pada zaman dahulu kerana merupakan satu kawasan pentadbiran bagi raja tersebut. Kota merupakan sebuah kawasan yang dijadikan sebagai tempat fokus utama masyarakat seperti kawasan pentadbiran dan pertahanan. Oleh disebabkan itu, sesebuah kota perlu dilengkapi dengan alternatif kemudahan dan struktur pertahanan yang kuat. Kompleks Sejarah Matang ini juga dikenali sebagai Kota Ngah Ibrahim. Nama Kota Ngah Ibrahim ini digunakan oleh masyarakat terdahulu. Jurnal bertajuk Kewujudan Kota Raja Melewar Berdasarkan Sumber Bertulis dan Data Lapangan yang ditulis oleh Mohd Fauzan Zuraidi, Zuliskandar Ramli, dan Shamsuddin Ahmad (2020) mengungkapkan bahawa pemilikan kota juga bukan hanya terhad kepada raja Melayu malahan terdapat juga pembesar Melayu yang memiliki sebuah kota. Antara pembesar Melayu yang mempunyai kota sebagai contoh adalah Ngah Ibrahim serta Long Jaafar. Kota ini diberi nama sebagai Kota Ngah Ibrahim atau pada masa kini dikenali sebagai Kompleks Sejarah Matang. Ngah Ibrahim dan Long

Jaafar merupakan antara pembesar Melayu yang diberi hak, kepercayaan, dan pengaruh untuk mempunyai kuasa ke atas kawasan tersebut. Walaupun kota ini tidak dimiliki oleh raja Melayu, namun fungsi kota masih sama seperti kota yang diperintah oleh raja misalnya dijadikan sebagai kawasan pertahanan.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa Kompleks Sejarah Matang ini adalah sebuah bangunan bersejarah yang mempunyai pelbagai kepentingan semasa. Hal ini dibuktikan lagi dengan ulasan yang diberikan oleh sesetengah pengkaji mengenai kegunaan dan fungsi Kota Ngah Ibrahim. Namun begitu, agak mengecewakan kerana Kompleks Sejarah Matang ini tidak begitu dikenali oleh masyarakat luar. Menurut jurnal yang bertajuk *Museums in the Northern Region of Peninsula Malaysia and Cultural Heritage* yang ditulis oleh Abu Talib Ahmad (2015) mengupas mengenai beberapa muzium yang terdapat di negeri-negeri sebelah utara Malaysia yang membantu kepada aspek ekonomi. Namun menurut beliau, jumlah pelawat yang mengunjungi Kompleks Sejarah Matang atau dikenali juga Muzium Matang ini amat sedikit iaitu 2850 orang. Jumlah ini sangat ketara berbanding pelawat yang mengunjungi muzium lain seperti Muzium Perak, Muzium Arkeologi Lembah Bujang dan sebagainya. Melalui maklumat ini, secara tidak langsung dapat diringkaskan kesimpulan bahawa kepentingan Kompleks Sejarah Matang masih lagi tidak berjaya didedahkan secara besar-besaran kepada umum.

1.3 Latar Belakang

Penyelidikan ini bertujuan untuk menerangkan mengenai kepentingan pemuliharaan terhadap Kompleks Sejarah Matang yang melibatkan bangunan muzium tersebut. Kompleks Sejarah ini mempunyai pelbagai bangunan dan artifak tinggalan yang penting dan bernilai kepada sejarah negeri Perak. Namun, fokus utama penyelidikan ini adalah mengenai bangunan muzium tersebut yang pernah dijadikan sebagai rumah Ngah Ibrahim. Langkah pemuliharaan dan pemeliharaan diterangkan dengan mengaitkan kepentingan tindakan tersebut kepada bangunan muzium tersebut.

Kepentingan Pemuliharaan Kompleks Sejarah Matang di Perak ini dipilih dalam kajian sebagai satu langkah untuk mengkaji peranan kompleks tersebut sehingga menjadikannya penting untuk dipulihara dan dipelihara oleh pihak berwajib atau dari aspek masyarakat dan pelancong. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Pertama (Sheikh Othman Sheikh Salim, 1984), pemuliharaan adalah memulihkan serta memelihara melindungi sesuatu supaya sentiasa berada dalam keadaan yang baik manakala pemeliharaan membawa maksud kepada membela, menjaga atau merawat. Oleh itu, kajian mengfokuskan kepada data-data yang diperolehi menerusi kaedah kajian mengenai kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan Kompleks Sejarah Matang di Perak.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian telah ditetapkan bagi menjalankan kajian ini yang bertajuk kepentingan pemuliharaan Kompleks Sejarah Matang di Perak. Oleh

disebabkan itu, kajian ini tertumpu pada keadaan di kompleks tersebut.

Berikut merupakan objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu:

1.4.1 Untuk mengenal pasti faktor-faktor kerosakan Kompleks Sejarah Matang di Perak.

1.4.2 Untuk mengetahui kaedah yang digunakan dalam memulihara dan memelihara Kompleks Sejarah Matang di Perak.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang telah ditetapkan ialah:

1.5.1 Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kerosakan terhadap Kompleks Sejarah Matang di Perak?

1.5.2 Bagaimanakah kaedah yang digunakan dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Kompleks Sejarah Matang di Perak?

1.6 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian yang ditimbulkan dalam tesis ini adalah:

1.6.1 Kajian lepas kebanyakannya tertumpu kepada koleksi di kediaman Ngah Ibrahim

Permasalahan kajian merupakan masalah yang menyebabkan penyelidik ingin melakukan penyelidikan (Fraenkel, 1993). Melalui kajian ini, masalah kajian telah dikenal pasti terlebih dahulu sebelum meneruskan kerja penyelidikan. Hal ini boleh

WETK

dijadikan sebagai rangsangan atau dorongan dalam menjalankan kajian malahan masalah itu haruslah mantap dan relevan mengikut keadaan semasa. Permasalahan kajian yang paling utama mengenai Kompleks Sejarah Matang ini adalah dari segi kajian yang dijalankan mengenai kompleks ini majoritinya tertumpu pada koleksi artifak di rumah Ngah Ibrahim. Hal ini sebenarnya dapat memberi kesukaran kepada penyelidik dan para pendidik yang lain dalam melakukan sebuah kajian atau dijadikan bahan pendidikan. Paparan di laman sesawang mengenai kompleks ini adalah lebih fokus kepada artifak atau koleksi di Muzium Matang yang berada di dalam Kompleks Sejarah Matang. Kekurangan ini mendorong pengkaji untuk menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan Kompleks Sejarah Matang di Perak.

1.6.2 Penjagaan Kompleks Sejarah Matang yang tidak dapat membuka mata masyarakat


Pemuliharaan dan pemeliharaan bagi Kompleks Sejarah Matang ini sangat penting untuk kekal relevan dalam pembangunan moden. Hal ini kerana, warisan di Matang haruslah seimbang dengan pembangunan bandar yang berlaku di sekelilingnya. Menurut jurnal Peranan Kerajaan Tempatan dalam Pemuliharaan Bandar: Kajian Kes Majlis Perbandaran Taiping yang ditulis oleh Yazid Saleh et al. (n.d.), menjelaskan kepesatan bangunan moden yang berlaku ini tidak boleh dielakkan lagi namun pemantauan yang

berkesan dalam aspek warisan harus dilakukan untuk memastikan pemeliharaan bagi sesuatu khazanah yang menyimpan pelbagai sejarah. Pemuliharaan dan pemeliharaan Kompleks Sejarah Matang harus dilakukan secara berkala untuk memastikan kompleks ini sentiasa gah dan tidak nampak usang. Hal ini kerana, terdapat beberapa pengunjung yang tidak menyangka bahawa kompleks ini adalah sesuatu yang bersejarah dengan melihat di bahagian luar tembok kompleks tersebut. Oleh itu, aspek pemuliharaan dan pemeliharaan sangat penting dalam menjaga kompleks ini agar sentiasa hidup pada pandangan mata masyarakat.

1.7 Lokasi Kajian

Negeri Perak merupakan negeri yang berada di bahagian utara Malaysia serta merupakan negeri kedua terbesar selepas negeri Pahang. Koordinat bagi negeri Perak ialah 4.603590° N, 101.020280° E. Perak mengandungi 11 daerah iaitu Kuala Kangsar, Hulu Perak, Kerian, Larut, Matang, dan Selama, Kinta, Kampar, Batang Padang, Perak Tengah, Hilir Perak, Manjung dan Muallim. Bandar Taiping terletak dalam negeri Perak di bahagian utara semenanjung Malaysia dan merupakan ibu kota bagi daerah Larut, Matang, dan Selama. Taiping adalah sebuah bandar yang pernah dijadikan sebagai ibu negeri Perak. Pada asalnya, Taiping hanyalah pekan kecil yang dibangunkan sehingga menjadi bandar. Nama asal bagi Taiping adalah Klian Pauh yang bermaksud lombong dan buah mangga yang bersaiz kecil. Kemudian, nama Klian Pauh ini ditukar

kepada Taiping yang diambil daripada bahasa Cina 'Tai-Peng' iaitu aman selamanya. Taiping mempunyai keluasan sebanyak 186.46km. Bandar Taiping merupakan antara bandar tertua jajahan British yang terdapat di Malaysia dan bangunan-bangunannya masih kekal hingga sekarang.




Rajah 1.1: Peta Negeri Perak

Sumber: *Google Map*

<https://www.google.com/maps/place/Perak/@4.7159034,100.9778188,8.75z/data=!4m13!1m7!3m6!1s0x3034b5fc2f44401d:0xa2d9d6f05cfe5ad2!2sPerak!3b1!8m2!3d4.5921126!4d101.090109!3m4!1s0x3034b5fc2f44401d:0xa2d9d6f05cfe5ad2!8m2!3d4.5921126!4d101.090109>

Matang merupakan salah satu daerah yang terdapat di negeri Perak dan mempunyai koordinat 4.847715° N, 100.691218° E. Perkataan Matang adalah singkatan bagi nama yang diberi oleh masyarakat terdahulu iaitu permatang. Hal ini kerana, permatang seolah-olah seperti ban yang dibina oleh penduduk kawasan tersebut pada zaman dahulu yang bertujuan untuk menyekat air daripada dilepaskan ke sawah padi. Matang berada di bahagian dalam bagi daerah Larut, Matang, dan Selama. Kawasan Matang

ini dibangunkan hasil daripada kekayaan oleh Ngah Ibrahim yang ketika itu dikenali sebagai Orang Kaya Menteri Paduka Tuan yang memegang jawatan sebagai pembesar Matang. Ngah Ibrahim telah membina kediaman yang mana sekarang ini merupakan Kompleks Sejarah Matang. Kompleks ini terletak di Bukit Gantang, Matang Perak. Keluasan bagi kompleks ini pula adalah sekitar 0.8094 hektar.



Rajah 1.2: Peta Daerah Larut, Matang, dan Selama

Sumber: *Google Map*

<https://www.google.com/maps/place/Matang,+Perak/@4.8447655,100.6959136,12.75z/data=!4m13!1m7!3m6!1s0x31caada5e08f4fe1:0x34fe001e3241ebf8!2sMatang,+Perak!3b1!8m2!3d4.8471106!4d100.6944042!3m4!1s0x31caada5e08f4fe1:0x34fe001e3241ebf8!8m2!3d4.8471106!4d100.6944042>

Kawasan Matang telah ditemui dan dibuka oleh Che Long Jaafar iaitu bapa kepada Ngah Ibrahim. Che Long Jaafar merupakan individu awal yang telah menemui bijih timah di Larut dan memilih untuk mengusahakannya. Kompleks Sejarah Matang ini pada asalnya dibina

oleh Ngah Ibrahim adalah untuk menguatkan kedudukannya dan pengaruh beliau di kawasan tersebut. Hal ini kerana, kawasan Larut ketika itu semakin maju dan terkenal berikutan perlombongan serta pengusaha bijih timah. Koordinat bagi kompleks ini adalah 4.81286° N , 100.67588° E. Kompleks Sejarah Matang dibina pada tahun 1857 dan sangat berjasa kepada kawasan Matang pada ketika itu. Buktinya adalah fungsi kota ketika zaman tersebut yang telah disahkan oleh para penyelidik. Namun, dapat dilihat bahawa terdapat beberapa peristiwa yang menyebabkan kota ini dipindah milik oleh beberapa pihak sehingga mengubah reka bentuk asal Kompleks Sejarah Matang.

Kediaman yang dibina oleh Ngah Ibrahim ini dijadikan sebagai pusat pentadbiran yang paling awal dalam daerah Matang. Kompleks ini juga berubah dari segi fungsi kegunaannya dari masa ke semasa terutama semasa kemasukan British, Jepun, dan setelah beliau dibuang negeri ke Kepulauan Seychelles. Kemudian, kota ini dijadikan sebagai kompleks Sejarah Matang pada tahun 1985 setelah diserahkan kepada Jabatan Warisan Malaysia. Salah satu keunikan yang terdapat pada kompleks ini adalah dari segi pembinaan yang berasaskan batu-bata dan diambil daripada Gunung Hijau, Taiping.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan iaitu mengenai Kepentingan Pemuliharaan Kompleks Sejarah Matang mempunyai beberapa kepentingan atau tujuan

yang mana salah satunya adalah untuk mengkaji sebarang kaedah pemuliharaan dan pemeliharaan yang digunakan bagi menjaga kompleks tersebut. Seterusnya, kajian ini penting untuk menunjukkan kesan kompleks tersebut setelah mengalami proses pemuliharaan dan pemeliharaan yang dijalankan. Kajian ini juga dapat memberikan pendedahan maklumat mengenai faktor-faktor kerosakan yang pernah berlaku terhadap kompleks tersebut berikutan usianya yang telah melebihi 100 tahun. Disamping itu, salah satu kepentingan kajian ini juga adalah untuk memahami dengan lebih jelas mengenai latar belakang atau sejarah Kompleks Sejarah Matang di Perak. Kajian ini penting untuk dijadikan sebagai salah satu bahan rujukan tambahan bagi kegunaan kajian penyelidikan. Pada masa yang sama, kajian mengenai kompleks dapat diperbanyakkan.

1.9 Skop Kajian

Skop kajian merupakan had bagi fokus utama berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Skop kajian juga memberikan kata putus bagi pengkaji dalam melakukan kajian supaya dapat memahami lingkungan kajian dan sesiapa yang akan terlibat dalam proses penyiapan kajian. Oleh itu, skop kajian bagi Kepentingan Pemuliharaan Kompleks Sejarah Matang ini dikhususkan hanya di kawasan penyelidikan iaitu kawasan kompleks tersebut yang melibatkan rumah Ngah Ibrahim. Lokasi kajian yang ditetapkan ini terletak di Bukit Gantang, Matang Perak. Hal ini

kerana, lokasi kajian yang ditetapkan ini merupakan salah satu sumber kepada data kajian. Malahan, pengkaji juga perlu melihat secara berhadapan mengenai bangunan tersebut yang telah menjalani proses pemuliharaan dan pemeliharaan. Oleh itu, skop kajian ini telah difokuskan kepada lokasi kajian yang terlibat.

Kajian ini juga ditumpukan pada pihak di Kompleks Sejarah Matang. Pihak yang terlibat ini memainkan peranan penting dalam memberikan maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Pihak ini juga dinamakan sebagai responden yang menjawab segala persoalan yang diberikan ketika kaedah temubual. Hal ini kerana objektif kajian yang ditetapkan ini memerlukan penjelasan daripada pihak Kompleks Sejarah Matang mengenai faktor kerosakan dan kaedah yang digunakan dalam pemuliharaan serta pemeliharaan bangunan tersebut. Oleh kerana itu, kajian ini difokuskan pada pihak kompleks tersebut untuk diberikan maklumat atau keterangan yang lebih jelas sebagai satu data yang akan dikumpul dan dianalisis dalam kajian.

1.10 Struktur Tesis

Bab 1: Pengenalan

Pada bab pertama iaitu bahagian pengenalan ini akan diterangkan secara asas mengenai tajuk kajian yang dilakukan. Pengenalan kajian yang diterangkan dapat memberi gambaran secara

keseluruhan mengenai perkara-perkara asas untuk kajian ini dilakukan. Data utama kajian seperti objektif juga diterangkan untuk memahami tujuan asal kajian ini di samping permasalahan kajian yang dapat membangkitkan lagi isu kajian yang dikaji. Kajian ini bersifat terhad kepada beberapa skop untuk melancarkan penyelidikan yang dikaji. Tambahan pula, paparan peta rajah lokasi kajian iaitu Kompleks Sejarah Matang juga dipamerkan supaya dapat ditunjukkan dengan lebih jelas kawasan kajian tersebut. Dengan adanya skop kajian, pengkaji akan lebih fokus terhadap carian asas yang dapat memberikan maklumat untuk menjawab objektif dan persoalan kajian.

Bab 2: Konservasi Bangunan di Malaysia

Pada bahagian bab kedua pula, pengkaji menerangkan mengenai kerja-kerja konservasi yang pernah dilakukan di Malaysia terutama dalam bahagian konservasi bangunan. Istilah konservasi juga diterangkan terlebih dahulu untuk memberikan gambaran dan penerangan mengenai tujuan utama konservasi dijalankan. Kemudian, pengkaji memberikan empat contoh konservasi bangunan yang pernah dijalankan di Malaysia melalui badan-badan tertentu. Konservasi bangunan yang diterangkan ini merupakan antara yang terkenal dan mendapat perhatian penuh daripada masyarakat. Bagi mengaitkan pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan ini, konservasi kuratif telah dipilih untuk diterangkan pada

bahagian seterusnya dalam bab kedua. Tindakan pemuliharaan dan pemeliharaan berada di bawah tindakan kuratif. Selain itu, pengkaji menerangkan kaedah-kaedah lain yang digunakan dalam bahagian konservasi kuratif. Pemilihan konservasi bangunan dan konservasi kuratif sebenarnya berkaitan antara satu sama lain bagi memberikan gambaran terhadap kajian yang dijalankan iaitu Kepentingan Pemuliharaan dan Pemeliharaan Kompleks Sejarah Matang di Perak.

Bab 3: Metodologi

Pada bab ketiga, beberapa kaedah yang digunakan dalam memperoleh maklumat kajian juga diterangkan satu demi satu. Pemilihan kaedah kajian ini perlu bersesuaian dengan objektif kajian supaya dapat memperolehi data yang terbaik dan mampu menjawab persoalan kajian. Carta alir juga dilakarkan bagi memberikan penjelasan dalam proses memperoleh jawapan kajian. Disamping itu, pengkaji menerangkan mengenai sumber primer dan sumber sekunder yang digunakan untuk memperoleh maklumat daripada pihak atau media elektronik yang terlibat. Kedua-dua sumber ini penting dalam sesebuah kajian, namun begitu sumber daripada primer lebih bersifat sumber data pertama dan telus. Akhir daripada penerangan tersebut, sebuah rumusan atau kesimpulan akan dilakukan berdasarkan kepada pemahaman dalam sesebuah bab.

1.11 Rumusan Bab

Sebagai kesimpulannya, bab pertama ini lebih menerangkan kepada permulaan kajian. Permulaan kajian yang dimaksudkan adalah dari segi latar belakang kajian dan tujuan kajian ini dilakukan. Selain itu, pengenalan dari segi lokasi kajian juga perlu diterangkan untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai kawasan kajian. Tujuan atau objektif juga diterangkan untuk menceritakan secara ringkas mengenai hala tuju kajian ini. Objektif ini dipilih untuk menjawab persoalan yang terdapat dalam kajian. Kompleks Sejarah Matang merupakan kawasan bersejarah yang perlu diketahui oleh masyarakat kerana menyimpan 1001 sejarah pembangunan Taiping terutamanya kawasan Matang. Oleh kerana itu, amat penting untuk melakukan kajian ini supaya dapat menghasilkan sebuah kajian yang terperinci mengenai bangunan bersejarah di Kompleks Sejarah Matang di Perak.

BAB 2

KONSERVASI BANGUNAN DI MALAYSIA

2.1 Pengenalan

Kajian literatur bermaksud kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini dan dijadikan sebagai rujukan dalam sesebuah kajian pada masa kini. Kajian literatur sangat penting dalam sesebuah kaji selidik. Hal ini kerana pengkaji dapat melihat rujukan yang sahih dan berkualiti. Pada masa yang sama, kajian literatur ini perlu sesuai dan mengikut konteks pada masa kini. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Pertama (Sheikh Othman Sheikh Salim, 1984), kajian bermaksud kegiatan usaha atau proses mengkaji manakala literatur pula adalah ahli sastra atau kesusasteraan. Karya literatur juga adalah karya-karya lepas yang dilakukan oleh tokoh-tokoh sastra dan dikenali sebagai kajian terdahulu. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kajian literatur ini adalah satu keterangan yang sangat penting kepada pengkaji untuk dijadikan panduan dalam menjalankan penyelidikan.

2.2 Konservasi Bangunan

Terdapat pelbagai bangunan yang telah melalui proses konservasi di Malaysia. Bangunan-bangunan yang dimaksudkan ini merupakan salah satu bangunan bersejarah yang telah ditinggalkan oleh penjajah terdahulu ataupun telah melalui fasa-fasa zaman hitam di Malaysia. Konservasi adalah satu istilah umum yang memberikan gambaran mengenai langkah pemuliharaan terhadap sesebuah bangunan, monumen, dan tapak. Menurut Kamus Dewan Bahasa

Edisi Pertama (Sheikh Othman Sheikh Salim, 1984), konservasi memberi maksud kepada pemeliharaan atau penjagaan sesuatu secara tersusun bagi mengatasi kerosakan seperti kemusnahan dan sebagainya. Dapat dirumuskan bahawa konservasi ini adalah aktiviti atau proses yang diambil bagi menjaga dan mengatasi sesuatu kerosakan itu daripada berlarutan.

Pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan merupakan antara langkah yang boleh diambil untuk menjayakan sesebuah konservasi bangunan warisan. Kepentingan dalam melakukan konservasi bangunan warisan ini sangat tinggi kerana memerlukan proses dan tindakan yang betul serta selaras dengan piawaian yang telah ditetapkan. Pada bab kedua ini, pengkaji akan menjelaskan mengenai contoh-contoh konservasi bangunan yang telah dijalankan di Malaysia oleh badan-badan warisan. Konservasi bangunan yang dilakukan ini bukan hanya terhad kepada rumah persendirian malahan juga melibatkan rumah ibadah, sekolah, bangunan awam, dan sebagainya. Di samping itu, pengkaji juga akan menerangkan mengenai konservasi kuratif yang melibatkan beberapa tindakan seperti pemuliharaan, pemeliharaan, rekonstruksi, dan restorasi.

2.2.1 Konservasi Rumah Abdul Ghani

Rumah Abdul Ghani atau lebih dikenali sebagai Rumah Penghulu Abdul Ghani adalah sebuah rumah peninggalan yang terletak di Merlimau, Kelantan. Rumah ini merupakan hak milik Penghulu Kawasan Merlimau suatu ketika dahulu yang bernama Datuk Penghulu Demang Abdul Ghani. Bangunan peninggalan ini merupakan salah satu artifak berharga yang

berada di Melaka. Terdapat beberapa ciri yang menyebabkan rumah ini diangkat sebagai warisan kebangsaan antaranya ialah rumah ini dibangunkan tanpa menggunakan paku. Teknik kepakaran tradisional yang memilih untuk menggunakan teknik pasak dan tanggam menjadikannya salah satu keistimewaan yang terdapat pada rumah Penghulu Abdul Ghani. Malahan, teknik ini juga dapat mengekalkan rumah warisan tersebut sehingga kini. Disamping itu, rumah Penghulu Abdul Ghani ini merupakan bukti gabungan seni bina pelbagai budaya. Hal ini kerana, terdapat gambaran budaya seni dari China, Palembang, Kemboja, Champa, dan Filipina pada pintu masuk pekarangan rumah tersebut. Tiang seri juga terdapat dalam rumah itu yang melambangkan salah satu seni warisan masyarakat Melayu.

Antara pihak-pihak yang memainkan peranan dalam menjalani proses konservasi ini adalah Jabatan Warisan Negara, Kerajaan Negeri Melaka, dan Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM). Bangunan ini didaftarkan di bawah Akta Warisan Kebangsaan pada tahun 2006 dan dijadikan Galeri Demang Abdul Ghani pada 2012. Pengiktirafan galeri ini adalah untuk memudahkan kerajaan Negeri Melaka melalui PERZIM untuk menguruskan dari segi pemeliharaan bangunan warisan tersebut. Pada tahun 2018, galeri ini telah diwartakan sebagai salah satu warisan kebangsaan. Pewartaan ini juga diumumkan selepas melalui proses konservasi bagi menjaga rumah Penghulu Abdul Ghani daripada berlakunya sebarang kerosakan. Pemuliharaan yang dilakukan ini juga

adalah salah satu langkah untuk memelihara rumah tradisional Melayu ini untuk tatapan generasi berikutnya (<http://www.heritage.gov.my/>).

2.2.2 Konservasi Rumah No 138 Hutton Lane

Rumah No 138 Hutton Lane merupakan sebuah rumah banglo yang telah berusia 128 tahun. Rumah ini terletak di Pulau Pinang dan digelar sebagai Rumah 'Teh Bunga'. Gelaran ini diberikan oleh masyarakat sekitar kawasan tersebut berikutan warna rumah tersebut seakan-seakan warna teh bunga. Pemilik asal rumah ini dipercayai seorang muslim yang beragama Islam. Hal ini kerana terdapat beberapa motif ukiran pada rumah tersebut yang melambangkan agama Islam seperti bentuk bulan sabit dan bintang. Rumah No 138 Hutton Lane ini mempunyai pelbagai ciri keistimewaan pada seni reka bentuk bangunan tersebut yang menerapkan gaya 'Sino-Malay'. Gaya ini dapat dilihat pada bumbung rumah tersebut yang berbentuk limas Melayu dengan campuran gaya Eropah dan China. Bumbung pada rumah banglo ini juga mempunyai reka seni genting India yang berbentuk V.

Rumah 'Teh Bunga' telah mengalami beberapa pertukaran pemilikan dan dihuni oleh beberapa generasi sejak dahulu lagi. Namun begitu, struktur rumah ini tidak mengalami sebarang kerosakan yang serius dan masih mengekalkan beberapa karakter rumah yang asli. Namun begitu, satu usaha oleh Persatuan Melayu Pulau Pinang telah dibuat bagi menjaga rumah ini daripada berlaku kerosakan serius atau tidak dijaga dengan baik. Pihak ini mencadangkan supaya rumah No 138 Hutton Lane dijadikan

sebagai Galeri Melayu Pulau Pinang. Oleh disebabkan itu, pihak kementerian telah membeli rumah ini daripada pemilik akhir untuk menjalankan proses konservasi yang akan dilakukan oleh Jabatan Warisan Negara pada tahun 2008. Proses yang dijalankan untuk memulihkan bangunan ini antaranya kerja-kerja membaiki dan penggantian struktur yang rosak dengan bahan atau fabrik yang sama seperti asal bagi mengekalkan keaslian tersebut (<http://www.heritage.gov.my/>).

2.2.3 Konservasi Rumah Tiang Kembar Dan Rumah Limas

Rumah Limas merupakan sebahagian daripada kawasan Istana Maziah yang terletak di Terengganu. Pemilik asal bagi kediaman ini adalah daripada golongan istana iaitu kerabat diraja daripada Dungun yang bernama Tengku The binti Tengku Chik Muda. Pada dasarnya, rumah ini beserta dengan Masjid Putih yang merupakan sebahagian daripada kawasan istana tersebut. Rumah Tiang Kembar merupakan bangunan yang sama dengan Rumah Limas. Namun, dari segi panggilan oleh masyarakat tempatan lebih mengenai Rumah Tiang Kembar berbanding Rumah Limas. Nama panggilan tiang kembar ini wujud berikutan terdapatnya tiang anjung yang dibina sebanyak lima pasang secara berkembar dan diletakkan berderet.

Rumah Limas ini berubah fungsinya daripada sebagai kediaman istana kepada Pejabat Hal Ehwal Agama Kuala Terengganu dan seterusnya Pejabat Majlis Perbandaran Kuala Terengganu. Kemudian, kediaman ini telah diserahkan oleh kerajaan negeri kepada Persatuan

Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu. Seterusnya, Jabatan Warisan Negara dengan kerjasama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan telah memilih untuk melakukan proses pemuliharaan pada kediaman tersebut semasa tahun 2009 hingga 2010. Melalui proses yang dijalankan, banyak perubahan yang telah dilakukan pada Rumah Limas tersebut sehingga memerlukan penelitian yang mendalam bagi kerja pemuliharaan. Terdapat pelbagai aspek yang perlu dibuang seperti pembinaan dinding bata di bahagian tingkat atas rumah tersebut. Usaha yang dijalankan ini adalah untuk mengembalikan rumah tersebut kepada seni bentuk yang asal supaya dapat menghidupkan kembali sejarah gambaran rumah kediaman tersebut (<http://www.heritage.gov.my/>).

2.2.4 Konservasi Masjid Mulong

Masjid Lama Mulong merupakan salah satu bangunan warisan yang terdapat di Kota Bharu, Kelantan. Pembinaan asal masjid ini adalah sebagai Balairong Seri yang digunakan pada zaman dahulu iaitu semasa pemerintahan Raja Dewa. Balairong ini merupakan kediaman asal bagi Raja Muda iaitu Tuan Zainal Abidin dan kemudian dipindah milik kepada Raja Dewa. Kepentingan Balairong Seri ini adalah sebahagian daripada bangunan istana yang digunakan oleh kesultanan di Kota Bharu, Kelantan. Setelah melalui beberapa fasa, Balairong ini telah dibeli oleh penduduk kampung Mulong dan dijadikan sebagai surau di kawasan tersebut. Masjid Lama Mulong ini dikenali juga sebagai Masjid Ar-Rahman di sekitar kawasan tersebut.

Setelah pemindahan masjid ini daripada kawasan asal di Kota Bharu ke Mulong, Kelantan, terdapat beberapa pengubahsuaian yang telah berlaku pada masjid tersebut. Pengubahsuaian ini dibuat kerana keperluan semasa oleh penghuni kawasan masjid tersebut. Namun begitu, ubah suai yang telah dilakukan ini menyebabkan bentuk asal masjid atau bentuk asal Balairong Seri ini berubah dan tidak dapat mengekalkan keaslian seni reka Melayu tradisional. Oleh kerana itu, Jabatan Warisan Negara telah mengambil alih masjid ini dan melakukan konservasi secara keseluruhan untuk mengembalikan semula reka bentuk asal Balairong Seri. Konservasi secara keseluruhan ini dipilih kerana terdapat banyak perubahan yang berlaku pada masjid tersebut. Malahan, kerosakan serius juga berlaku dalam kuantiti yang banyak pada masjid tersebut seperti reput. Tahun 2008 merupakan permulaan kepada kerja konservasi yang dilakukan pada bangunan ini dan berakhir pada tahun 2009. Masjid Lama Mulong telah diberi nafas baru dan muncul dalam reka bentuk yang asal (<http://www.heritage.gov.my/>).

2.3 Konservasi Kuratif

Konservasi merupakan sebuah proses dalam mengekalkan dan menguruskan sebarang perubahan pada aset warisan seperti bangunan. Tujuan ini adalah untuk melindungi bahan warisan yang mempunyai nilai sejarah. Proses yang wujud dalam konservasi mempunyai dua kaedah iaitu konservasi secara preventif dan konservasi secara kuratif. Konservasi kuratif merupakan tindakan untuk merawat dan menghentikan objek warisan yang berlakunya deteriorasi.

Terdapat beberapa proses dalam konservasi kuratif seperti pemeliharaan, pemuliharaan, rekonstruksi, restorasi, dan penyelenggaraan. Setiap tindakan yang dilakukan ini dibenarkan mengikut kesesuaian dan masih perlu mengekalkan keaslian warisan asal tersebut.

2.3.1 Pemuliharaan

Pemuliharaan merupakan satu proses yang dapat mengembalikan objek warisan kepada bentuk asal tanpa sebarang pembaharuan supaya dapat mengekalkan keaslian ciri tersebut. Menurut jurnal Melayu bertajuk Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu yang ditulis oleh Yuszaidy Mohd Yusoff , Hanapi Dollah, dan Ab Samad Kechot (2011), pemuliharaan ini adalah seperti pemeliharaan, pembaikpulihan, pembinaan semula, pemulihan, dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya. Pemuliharaan merupakan salah satu tindakan dalam konservasi kuratif kerana perlu mengekalkan keaslian berbanding ciri yang lain. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pemuliharaan adalah satu tindakan yang diambil untuk merawat dan menghentikan objek daripada berlakunya kerosakan.

Kaedah pemuliharaan merupakan salah satu proses yang sering dilakukan dalam kerja konservasi sama ada terhadap bangunan warisan, koleksi sejarah, dan haiwan. Pemuliharaan terhadap bangunan warisan sebenarnya dapat menjaga nilai sejarah sesuatu negara kerana menjadi bukti peredaran zaman. Menurut akhbar Harian Metro bertajuk Pemuliharaan Bangunan Bersejarah Perlu Lebih Intensif yang ditulis oleh Norzamira Che Noh (2021), pemuliharaan bangunan bersejarah perlu

dianggap penting oleh pihak-pihak yang terlibat. Hal ini kerana, bangunan ini perlu dipulihara supaya dapat diselamatkan daripada sebarang kerosakan yang lebih serius sehingga mampu menjejaskan nilai bangunan tersebut. Kos pemuliharaan juga perlu diambil kira dalam menjalankan operasi ini supaya tidak membebankan kewangan sesebuah negara. Oleh kerana itu, langkah pemuliharaan perlu diambil tindakan dengan pantas supaya dapat melindungi bangunan bersejarah. Pada masa yang sama, jumlah perbelanjaan untuk memulihara bangunan bersejarah itu juga dapat ditampung oleh sesebuah negara.

2.3.2 Pemeliharaan

Pemeliharaan adalah proses mengekalkan objek atau mana-mana warisan budaya pada keadaan asal supaya tidak mengalami sebarang kerosakan pada masa akan datang. Pemeliharaan juga melengkapi teknik untuk memperlahankan sesuatu kerosakan. Menurut jurnal yang bertajuk 'Pemeliharaan Tokoh Orang Hidup Daripada Perspektif Akta Warisan Kebangsaan 2005 (AKTA 645)' yang ditulis oleh Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2017), pemeliharaan bermaksud memberhentikan kemerosotan pada sesuatu objek sama ada kemerosotan lanjut, reput, atau keadaan usang. Pemeliharaan juga adalah salah satu aspek yang paling berpengaruh dalam skop konservasi. Berdasarkan jurnal yang diteliti tersebut, dapat disimpulkan bahawa langkah pemeliharaan mampu membantu sebuah objek warisan atau bangunan warisan itu untuk terus berdiri kukuh.

Pemeliharaan warisan sejarah seperti bangunan dianggap penting kerana memberikan bukti visual pada zaman silam. Pemeliharaan ini juga bertindak untuk menggambarkan kemahiran yang diguna oleh masyarakat zaman dahulu dalam sesebuah pembinaan. Pemeliharaan adalah tindakan yang diambil untuk memelihara sebuah artifak atau bangunan yang bersejarah dengan bersandarkan kepada beberapa perkara. Langkah pemeliharaan penting untuk memastikan warisan yang telah melalui proses konservasi itu sentiasa dalam keadaan yang utuh dan mampu menjadi rujukan sejarah pada masa akan datang.

2.3.3 Rekonstruksi

Rekonstruksi adalah suatu proses atau usaha untuk mengembalikan tapak mahupun objek kepada keadaan asal dengan menggunakan elemen baru dalam proses tersebut. Tindakan rekonstruksi ini sering kali digunakan dalam membaik pulih sesebuah warisan yang telah hampir seluruhnya musnah. Menurut artikel bertajuk Piagam Burra (Piagam ICOMOS Australia untuk Tempat-tempat Bersignifikansi Budaya) yang ditulis oleh Rika Susanto dan Hasti Tarekat (n.d), rekonstruksi hanya boleh dilakukan pada warisan yang telah rosak sepenuhnya dan mempunyai bukti yang kukuh untuk mengembalikan atau mengwujudkan semula warisan tersebut selari dengan fungsi bagi mempertahankan kepentingan budaya tempat itu. Hanya sebilangan bangunan bersejarah sahaja yang boleh ditambah dengan elemen yang baru mengikut sesuatu kepentingan. Oleh kerana itu, sesebuah struktur yang rosak itu perlu difahamkan dengan betul melalui

pemeriksaan jarak dekat dan adanya interpretasi tambahan. Hal ini juga selari dengan pengertian kaedah rekonstruksi.

Kepentingan rekonstruksi ini adalah untuk mendedahkan aspek budaya bagi sesuatu tempat yang saling berkaitan dengan bangunan warisan tersebut atau sebarang warisan yang dikonstruksi. Tindakan konservasi rekonstruksi dapat menyelamatkan nilai warisan bagi corak penempatan sebuah tempat. Hal ini kerana, setiap negeri atau setiap kawasan itu mempunyai kreativiti reka bentuk warisan yang berbeza mengikut kesan pengaruh yang telah dijajah. Setiap elemen baru yang dimasukkan untuk mengganti struktur yang musnah itu perlulah mempunyai nilai atau ciri yang hampir sama dengan bangunan asal supaya suasana sejarah itu dapat dirasakan kembali oleh generasi kini. Konsep rekonstruksi tidak akan memusnahkan suasana sejarah walaupun bangunan warisan itu hampir musnah keseluruhannya. Oleh kerana itu, konservasi rekonstruksi ini perlu dirancang oleh para pakar bangunan dan diteliti terlebih dahulu sebelum mengambil keputusan untuk menambah elemen yang baru pada bangunan asal.

2.3.4 Restorasi

Restorasi adalah suatu tindakan secara terus kepada bangunan warisan atau artifak yang perlu dipulihkan. Salah satu tujuan restorasi dilakukan untuk memberi penghayatan dan pemahaman yang lebih terperinci terhadap sesebuah warisan tersebut. Tindakan restorasi ini merupakan konsep dalam menghormati bahan asal yang terdapat pada

struktur tersebut. Hal ini kerana, pemilihan kaedah restorasi hanya dilakukan apabila bangunan atau artifak warisan itu telah hilang sebahagian kepentingan padanya yang disebabkan oleh kemerosotan perubahan pada masa lalu. Prosedur rawatan restorasi ini lebih mementingkan bentuk keterampilan sesuatu artifak. Tidak dinafikan lagi bahawa restorasi kebiasaannya akan mengubah bentuk artifak tersebut. Menurut artikel bertajuk *Heritage Building Conservation in Malaysia: Experience and Challenges* yang ditulis oleh S. N. Harun (2011), restorasi bermaksud pemulihan sesuatu struktur secara terperinci dengan susunan yang tepat dan sama seperti keadaan asal. Bagi menjadikan struktur itu seperti keadaan asal, terdapat beberapa pembaharuan yang perlu dibuang dan menggantikannya seperti karya asal.

Tindakan restorasi perlu diambil jika objek atau bangunan warisan mengalami kerosakan yang tidak mampu dipulihkan semula. Antara contoh konservasi restorasi iaitu membentuk semula artifak, *retouching* lukisan, dan melengkapkan sebahagian artifak yang telah hilang atau musnah. Kaedah restorasi agak sukar untuk dijalankan kerana memerlukan kemahiran setiap konservator dalam mengendalikan bidang teknikal. Malahan, tindakan kimia dan mekanikal juga perlu diteliti sepenuhnya dengan mengikut garisan panduan yang ditetapkan semasa kerja restorasi berlangsung. Kaedah restorasi dapat memberi kelebihan dari segi kemanfaatan penggunaan sebuah artifak atau bangunan yang bersejarah.

2.4 Kompleks Sejarah Matang

Terdapat pelbagai bangunan atau kompleks yang bersejarah di Taiping seperti Kompleks Sejarah Matang. Kompleks ini pertama sekali dikenali sebagai Kota Ngah Ibrahim pada zaman dahulu. Kompleks ini sudah terbina lebih daripada 100 tahun dan menyimpan pelbagai maklumat mengenai perkembangan sejarah Taiping. Menurut Portal Rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama (n.d.), kompleks yang berada di Matang, Taiping Perak ini merupakan milik Che Ngah Ibrahim, iaitu pembesar Melayu dan juga tokoh perniagaan yang maju ketika itu. Kompleks Sejarah Matang pernah dijadikan sebagai pusat pemerintahan Ngah Ibrahim, mahkamah bagi perbicaraan Datuk Maharaja Lela, Maktab Perguruan Melayu Matang, Sekolah Melayu, Markas Tentera Jepun, dan sebagainya. Malahan, bangunan ini juga pernah dijadikan sebagai kediaman dan pejabat Penolong Residen British iaitu Tristram Speedy semasa penjajahan British ke Taiping, Perak.

Kompleks Sejarah Matang adalah sebuah kawasan yang mempunyai beberapa bangunan atau bahagian penting di dalamnya. Kompleks Sejarah Matang merupakan tapak yang telah wujud sejak dahulu lagi. Buktinya adalah dengan kedatangan British ke Tanah Melayu dan sekaligus menjadikan kompleks tersebut sebagai kawasan pentadbirannya. Kompleks Sejarah Matang juga dikatakan sebagai sebuah muzium yang menyimpan pelbagai bukti peninggalan sejarah kawasan tersebut. Menurut International Council of Museums (ICOM), muzium membawa maksud kepada bangunan yang dijadikan sebagai tempat simpanan pelbagai khazanah warisan dan budaya bangsa bagi sesebuah negara. Definisi ini memberikan gambaran bahawa

Kompleks Sejarah Matang merupakan kawasan penting bagi daerah Larut, Matang, dan Selama kerana telah menyimpan pelbagai khazanah warisan kawasan tersebut.

Penubuhan Kota Ngah Ibrahim ini memberi kepentingan yang sangat penting kepada sejarah negeri Perak. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan pengekalan dan pemuliharaan yang dijalankan pada rumah Ngah Ibrahim suatu ketika dahulu. Kawasan kota tersebut dilengkapi dengan tembok yang kukuh dan beberapa lubang senapang. Pada kawasan tengah kota tersebut, terdapat rumah Ngah Ibrahim yang pernah dijadikan sebagai beberapa bangunan penting pada zaman penjajahan British. Disamping itu, terdapat beberapa artifak mahupun tugu penting yang diletakkan berhampiran rumah Ngah Ibrahim seperti tugu Jepun, perigi, makam Ngah Ibrahim dan sebagainya. Menurut akhbar Harian Metro bertajuk *Gamitan Bandar Pencen* yang ditulis oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus (2019), Muzium Ngah Ibrahim merupakan lokasi tumpuan buat penggemar sejarah yang ingin meneroka sejarah pembangunan kota Ngah Ibrahim. Muzium Ngah Ibrahim ini menjadi sumber maklumat yang penting kepada masyarakat dan kerana itu, pihak Jabatan Muzium Malaysia mengambil keputusan untuk melakukan proses konservasi ke atas bangunan tersebut.

2.5 Rumusan Bab Kedua

Kesimpulan ringkas yang boleh dihasilkan pada bab kedua ini adalah dari segi pemahaman yang cuba diberikan untuk memahami konsep konservasi

dengan lebih ringkas. Setiap penyelidikan konservasi mempunyai jalan kerja yang berbeza mengikut sesuatu kerosakan dan juga kesesuaian pengaplikasian tersebut. Berdasarkan penerangan yang diberikan pada bab ini, tindakan konservasi terbahagi kepada dua iaitu konservasi preventif dan konservasi kuratif. Konservasi kuratif diterangkan dengan lebih terperinci kerana mempunyai perkaitan dengan tindakan yang diambil dalam kajian ini iaitu dari sudut pemuliharaan dan pemeliharaan. Sebelum penerangan mengenai tindakan konservasi ini dilakukan, beberapa bangunan yang telah dikonservasi ditunjukkan atau diulas dalam bab kedua ini. Hal ini kerana, Kompleks Sejarah Matang merupakan salah satu tapak yang menempatkan beberapa bangunan dan bersejarah. Pengkaji memilih bangunan konservasi yang telah melalui beberapa proses untuk diwartakan sebagai harta warisan disebabkan oleh nilai yang terdapat pada bangunan tersebut. Oleh kerana itu, bangunan-bangunan contoh ini agak terkenal dalam perspektif masyarakat mengenai aspek konservasi bangunan. Pemilihan sub tajuk ini juga sebenarnya berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan agar dapat memberi gambaran asas mengenai Kepentingan Pemuliharaan Kompleks Sejarah Matang di Perak.

Beberapa rujukan daripada laman web, jurnal mahupun akhbar diambil dan diletakkan dalam pernyataan ulasan. Rujukan ini bertujuan untuk mengemukakan satu fakta mengenai elemen yang telah diulas. Malahan, fakta ini memperkukuhkan lagi pemilihan sub tajuk bagi menyokong kajian yang dijalankan iaitu Kepentingan Pemuliharaan Kompleks Sejarah Matang di Perak. Maklumat mengenai Kompleks Sejarah Matang juga diterangkan

dengan lebih jelas supaya dapat menggambarkan kajian kes ini. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa Kompleks Sejarah Matang ini telah melalui proses konservasi untuk menjaga dan melindungi nilai sejarah yang terdapat pada bangunan tersebut. Kerja konservasi yang dijalankan ini mempunyai pelbagai peringkat sehingga bangunan tersebut dapat berdiri teguh sehingga pada masa kini.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Pada bab ketiga ini, metodologi kajian akan dinyatakan bagi membantu untuk melengkapkan penyelidikan yang dijalankan ini. Terdapat pelbagai kaedah metodologi yang digunakan bagi mendapatkan maklumat yang sahih mengenai tajuk penyelidikan ini iaitu Kepentingan Pemuliharaan Kompleks Sejarah Matang di Perak. Kaedah metodologi yang digunakan adalah berdasarkan kepada sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer ini melibatkan data yang akan dikumpul dan dikaji berdasarkan kepada kaedah kualitatif yang digunakan. Manakala, sumber sekunder adalah bantuan data kajian yang diperoleh daripada internet dan perpustakaan. Segala kaedah yang digunakan ini akan diterangkan dalam bab ketiga bagi membantu dalam melancarkan penyelidikan yang dijalankan.

Setiap kaedah yang digunakan akan dipaparkan sekali dengan carta perjalanan proses kaedah tersebut. Sebagai contoh, terdapat carta alir mengenai kaedah pemerhatian yang dijalankan di bawah kaedah kualitatif ini. Carta yang ditunjukkan ini penting untuk memahami sesebuah kaedah yang digunakan. Malahan, carta ini juga dapat memudahkan pengkaji untuk melihat gambaran proses jalan kerja yang dilakukan bagi melengkapkan bahagian metodologi kajian. Pemahaman ini akan membuahkan hasil dengan


pemerolehan data yang akan dimasukkan pada bahagian seterusnya untuk menjawab segala persoalan penyelidikan.

3.2 Metodologi Kajian

Menurut Hornby (1985), metodologi adalah satu set prinsip atau kaedah yang digunakan untuk mengendalikan kajian ke atas sesuatu topik yang dipilih. Perkataan asal bagi metodologi adalah metodos dan logos dan berasal daripada bahasa Yunani dan bermaksud suatu kaedah atau suatu jalan yang digunakan bagi mencapai matlamat tertentu. Metodologi juga menerangkan bagaimana sesebuah topik atau isu itu dikaji dan mengapa kaedah itu sesuai dengan kutipan data yang dijalankan. Sesebuah kaedah yang dipilih dan dijalankan itu perlu mengandungi justifikasi yang mantap tentang pemilihan kaedah tersebut. Metodologi dapat membantu untuk memahami sebuah isu atau kajian itu dengan lebih jelas melalui data yang dihuraikan daripada kaedah kajian yang digunakan.

Metodologi kajian merupakan salah satu input yang penting dalam menjalankan kajian. Secara kasarnya, metodologi kajian adalah satu proses dari permulaan penerimaan data sehingga kepada pengaplikasian data tersebut dalam kajian. Proses ini melibatkan kaedah penerimaan makluman, pengumpulan, dan pemprosesan atau analisis data tersebut untuk dijadikan sebagai bukti kajian. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Pertama (Sheikh Othman Sheikh Salim, 1984), metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin, dan sebagainya. Manakala, kajian pula ialah usaha atau proses mengkaji. Oleh

kerana itu, dapat disimpulkan bahawa metodologi kajian ini adalah sebuah kaedah yang digunakan dalam melengkapkan proses pengkajian atau proses penyelidikan.



Rajah 3.1: Kaedah metodologi yang digunakan dalam proses penyelidikan

Rajah 3.1 memaparkan sebuah carta yang digunakan bagi mengenal pasti metodologi kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini. Berdasarkan carta tersebut, kaedah kualitatif dipilih dalam mencari data untuk menjawab persoalan dan objektif kajian. Pendekatan kualitatif adalah kaedah yang lebih mementingkan kualiti berbanding kuantiti. Kaedah ini

merupakan kajian kes iaitu suatu penyelidikan yang dilakukan terhadap kesatuan sistem, sama ada berbentuk program mahupun kejadian yang terikat oleh tempat, waktu atau ikatan tertentu (Nana, 2005). Pendekatan kualitatif merangkumi kaedah pemerhatian dan temubual. Pendekatan ini penting bagi melihat sesuatu perkara atau mendapat sebuah kefahaman yang lebih jelas. Sebagai contoh, kajian Kepentingan Pemuliharaan Kompleks Sejarah Matang ini menggunakan beberapa kaedah dalam pendekatan kualitatif.

Penyelidikan yang dijalankan ini juga melibatkan sumber dari data primer dan sekunder. Penggunaan data primer adalah daripada kaedah temubual dan pemerhatian. Kaedah ini melibatkan pemerolehan data daripada pihak Kompleks Sejarah Matang yang dapat memberi justifikasi mengenai objektif dan persoalan penyelidikan. Data sekunder pula melibatkan kaedah keperpustakaan yang digunakan seperti pembacaan dan penulisan artikel, jurnal, berita daripada media elektronik iaitu internet. Hasil daripada penelitian dan pemahaman ini dapat memberikan serba sedikit maklumat mengenai penyelidikan yang dijalankan.

3.3 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif tidak berasaskan sepenuhnya terhadap nombor atau bilangan. Kaedah ini lebih kepada sebuah teks kajian kes yang mampu memberikan kefahaman yang jelas. Pendekatan kualitatif merupakan satu kaedah yang berkait rapat dengan kajian kes. Hal ini bermakna, pendekatan kualitatif amat memerlukan dan bergantung kepada pengamatan manusia di

kawasan yang berkaitan dan berkait rapat dengan sebarang peristiwa yang pernah berlaku di lokasi tersebut (Kirk & Miller, 1986). Penyelidikan yang dijalankan ini bertujuan untuk memperoleh sesuatu makna, mendapatkan sebuah kesahihan, dan menghasilkan sebuah pemahaman daripada data-data yang diperolehi. Proses pengumpulan data bagi kaedah kualitatif amat penting dan perlu diteliti sepenuhnya supaya dapat menghasilkan sebuah kefahaman yang jelas dan dapat menjawab objektif kajian yang dilaksanakan.

3.4 Sumber Sekunder

Data sekunder adalah data yang sudah tersedia sehingga tinggal hanya untuk mencari dan mengumpulkannya oleh penyelidik (Jonathan Sarwono, 2007). Data ini diperolehi daripada sumber yang berbeza misalnya seperti akhbar, buku, dan laman web atau laman sesawang sebagai contoh maklumat yang diperolehi daripada laman web Majlis Perbandaran Taiping dan buku secara digital iaitu *ebook* yang bertajuk Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan di Malaysia. Maklumat daripada sumber ini dikumpulkan dan diasingkan mengikut kepentingan sesuatu kajian. Data sekunder adalah salah satu maklumat yang digunakan dalam penyelidikan dan agak mudah didapati oleh setiap pihak.

3.4.1 Kaedah Perpustakaan

Data sekunder yang digunakan dalam kajian ini bagi mengumpul maklumat adalah antaranya daripada laman web, akhbar, dan artikel atau jurnal yang boleh didapati secara atas talian. Laman web yang

mengandungi artikel atau jurnal ini juga adalah yang berdaftar seperti daripada laman web *academia.edu*, *google scholar*, dan *researchgate*. Kaedah pengumpulan data sekunder ini lebih mudah dan ringkas berbanding data primer. Hal ini kerana, segala maklumat yang diinginkan hanya perlu dicari dalam internet. Namun, maklumat mengenai kajian yang bertajuk Kepentingan Pemuliharaan Kompleks Sejarah Matang ini agak sukar untuk diperolehi kerana kekurangan bahan kajian. Oleh kerana itu, maklumat yang dijumpai dalam sebarang kaedah data sekunder ini akan dicatat, dikumpul, dan dianalisis oleh pengkaji untuk dimasukkan dalam kajian.

Kaedah permulaan kajian yang dijalankan ini bersandarkan sepenuhnya terhadap data sekunder. Maklumat yang diperolehi ini membantu untuk melengkapkan kajian yang dijalankan semasa di rumah. Melalui data sekunder, sebuah tafsiran, pemahaman dan rumusan maklumat dapat dijalankan. Selain daripada penggunaan laman web berilmiah seperti jurnal, terdapat juga contoh lain yang digunakan sebagai sumber sekunder perolehan data kajian seperti akhbar Harian Metro. Akhbar ini diakses melalui secara atas talian. Bahan yang dicetak ini diteliti, dibaca, dan difahami terlebih dahulu sebelum menjalankan tafsiran dan analisis data tersebut. Namun, idea daripada sumber sekunder ini perlu diberikan sepenuh perhatian agar tidak membawa maksud atau pemahaman yang salah. Hal ini kerana, data sekunder ini bukan maklumat baharu yang disampaikan tapi lebih kepada ulasan seseorang terhadap

karya atau penyelidikan asal yang boleh membawa kepada pelbagai maksud.

Maklumat daripada data sekunder ini adalah lebih kepada bersifat tetap dan menghubungkan pada masa dahulu. Kebanyakan kajian menggunakan data sekunder untuk dijadikan sebagai maklumat asas kajian kerana menjimatkan tenaga dan masa pengkaji. Hal ini kerana kaedah pengumpulan data sekunder ini hanya memerlukan kos yang sedikit berbanding kaedah primer. Malahan, data sekunder ini juga tidak perlu untuk menghubungi sumber maklumat tersebut. Kaedah pengumpulan data sekunder ini

3.5 Sumber Primer


Data primer merupakan data yang diperolehi secara asli atau edisi yang asal (Rohana Yusof, 2004). Data primer juga adalah penemuan maklumat bagi pertama kali dan dikumpul oleh pengkaji dalam menjalankan penyelidikan. Data primer dikenali juga sebagai data mentah atau data yang pertama. Antara kaedah yang dikategorikan dalam data primer adalah soal selidik dan kajian. Kaedah ini dijadikan sebagai panduan untuk mengumpul data kajian Kepentingan Pemuliharaan Kompleks Sejarah Matang di Perak. Kepelbagaian soalan yang dibina dalam kaedah temu ramah adalah menjurus kepada jawapan yang berkaitan dengan objektif dan persoalan kajian.

Kaedah yang digunakan untuk memperoleh data primer dalam kajian ini adalah melalui kaedah temu bual dan pemerhatian. Temu bual dan pemerhatian memerlukan untuk berada di lokasi tersebut dan perlu

mendapatkan maklumat daripada pihak yang lebih arif tentang kompleks tersebut. Maklumat yang diberikan juga bersifat nyata dan konsisten. Temu bual dapat menyumbangkan kepada jawapan yang terus menjawab objektif kajian kerana soalan temu bual ini dibina daripada keperluan kajian. Pemerhatian ini juga perlu dilakukan untuk menyokong kepada data yang diterima daripada aspek temu bual. Pemerhatian adalah suatu proses mengumpul maklumat dengan cara merekod objek tersebut. Kaedah yang dinyatakan ini memberikan kefahaman jelas tentang bagaimana data primer itu dikumpulkan pada langkah yang pertama.

Setelah itu, keseluruhan data primer yang diperolehi ini diteliti satu demi satu untuk dianalisis dan diletakkan sebagai jawapan kajian mengikut bahagian yang bersesuaian. Data primer ini dapat membantu kajian dengan efisien namun terdapat beberapa aspek yang perlu diteliti atau dipandang serius mengenai proses pengumpulan data yang asli ini. Hal ini kerana, kos pengumpulan bagi kaedah ini memerlukan kos dan masa yang lebih banyak berbanding data sekunder. Sebagai contoh ialah melalui kajian lapangan. Persediaan yang rapi sangat diperlukan sebelum menjalankan pengumpulan data primer ini. Hal ini kerana, jika terdapat beberapa kesalahan yang berlaku ketika pengumpulan data primer ini akan memberikan banyak kesan kepada pengkaji dan kajian. Sebagai contoh adalah dari segi pembaziran masa untuk kembali semula ke kawasan kajian. Walaubagaimanapun, kaedah ini mampu memberikan jawapan yang terperinci kerana diperolehi secara langsung daripada sumber yang sah.

3.5.1 Kaedah Temu Bual




Rajah 3.2: Panduan bagi proses kaedah temubual

Rajah 3.2 menunjukkan kaedah pertama yang digunakan dalam pendekatan kualitatif iaitu temu bual. Kaedah ini merupakan antara kaedah yang popular dalam memperoleh data kajian. Temu bual antara kaedah yang paling tepat untuk mendapatkan maklumat yang diyakini sahih. Temu bual ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu secara struktur atau tidak rasmi. Kaedah temu bual dilakukan secara berhadapan dengan pihak Kompleks Sejarah Matang bagi memperolehi maklumat yang berkaitan dengan objektif dan persoalan kajian.

Proses bagi kaedah temu bual ini juga telah diterangkan dalam peta minda melalui rajah 3.2. Pelbagai soalan dirangka terlebih dahulu sebelum

menjalankan sesi temu bual. Hal ini kerana, rangka soalan ini mampu mendapatkan jawapan yang berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan. Berbeza pula dengan soalan secara spontan. Soalan secara spontan lebih menjurus kepada temu bual tidak rasmi dan agak sukar untuk mendapatkan jawapan yang tepat kepada objektif kajian. Oleh itu, bentuk soalan dan senarai soalan ini dilakukan terlebih dahulu seperti yang dilampirkan dalam lampiran.



Rajah 3.3: Bukti proses awal berhubung dengan pihak Kompleks Sejarah Matang

Sumber: E-mel rasmi bersama pihak Kompleks Sejarah Matang

pr.mmatang@jmm.gov.my

Sebelum soalan temu bual dirancang, pihak Kompleks Sejarah Matang perlu dimaklumkan terlebih dahulu. Hal ini kerana untuk mengelakkan segala kemungkinan yang tidak dijangka seperti penolakan

sesi temu bual atau sebagainya. Pihak Kompleks Sejarah Matang diemelkan terlebih dahulu dan diterangkan mengenai perjalanan kerja penyelidikan seperti yang ditunjukkan pada rajah 3.3. Setelah mendapat maklum balas yang positif, maka sesi penetapan jadual waktu dibincang bersama pihak Kompleks Sejarah Matang untuk mengadakan temu bual. Temu bual ini juga dilakukan secara berhadapan di kompleks tersebut. Namun, jika terdapat halangan yang tidak dijangka seperti peningkatan pandemik Covid-19, maka temu bual ini mungkin akan ditukar kepada secara atas talian.



Rajah 3.4: Bukti perekodan suara melalui kaedah temu bual


Sumber: Kajian Lapangan

Ketika sesi temu bual itu dijalankan, segala maklumat yang diberi itu perlu dicatat dalam sebuah buku yang khusus untuk kajian penyelidikan. Pada masa yang sama, perakam suara juga akan digunakan untuk merekod maklumat-maklumat tersebut. Hal ini kerana, perakam suara lebih efektif dalam merekod maklumat yang diberikan secara pantas oleh pihak kompleks tersebut. Bukti rekod suara ini dapat dilihat pada rajah 3.4. Perekodan suara itu menunjukkan durasi rekod selama 16 minit dan 44 saat

yang dilakukan pada 28 September 2021. Maklumat-maklumat yang diterima ini perlu dikumpul, dianalisis, dan dirujuk semula jika berlaku sebarang kemusykilan. Setelah itu, maklumat yang telah dianalisis ini akan dimasukkan ke dalam kerja penyelidikan dan dijadikan sebagai data kajian. Oleh kerana itu, rangka kerja bagi kaedah temubual ini dapat merancang perjalanan atau proses dalam penerimaan maklumat tersebut.

3.5.1.1 Jenis Temu Bual


Jenis temu bual merupakan pemilihan sesuatu kaedah dalam skop temu bual yang digunakan dalam mendapatkan maklumat atau jawapan kajian. Terdapat dua jenis temu bual iaitu secara formal dan tidak formal. Temu bual tidak formal dipilih dalam mendapatkan data kajian awal ini. Kaedah temu bual secara tidak formal ini merupakan temu bual yang tidak memerlukan permohonan secara bertulis atau lebih dekat jika dikatakan sebagai temu bual secara rambang.



Rajah 3.5: Bukti kaedah temu bual yang digunakan dalam
mendapatkan data kajian awal


Sumber: Temu bual awal bersama pihak Kompleks Sejarah
Matang

Rajah 3.5 adalah bukti kepada temu bual yang digunakan iaitu dengan menghubungi pihak Kompleks Sejarah Matang. Temu bual ini merupakan langkah awal dalam membuat kajian penyelidikan iaitu dengan meminta keizinan untuk menjalankan kajian di kawasan tersebut. Pertanyaan ringkas mengenai kompleks Sejarah Matang juga dibincangkan seperti dari segi tahun bangunan itu didirikan. Soalan yang ditanya pada pihak tersebut dalam mendapatkan data kajian awal ini adalah tidak berstruktur. Hal ini kerana, temu bual yang dijalankan adalah sebagai pengenalan awal kepada kajian. Segala maklumat yang diberikan ini telah direkod dan dimasukkan dalam catatan untuk dianalisis dan dijadikan rujukan bab seterusnya.



Rajah 3.6: Bukti pengumpulan maklumat awal yang direkod

Sumber: Temu bual awal



Rajah 3.7: Aplikasi *Whatsapp* sebagai medium perhubungan dengan pihak Kompleks Sejarah Matang

Sumber: Telefon Pengkaji

Pada masa yang sama, temu bual awalan ini juga direkod melalui telefon. Proses ini merupakan pendekatan yang lebih mudah dan selamat bagi merekod data utama atau data awalan. Hal ini kerana, bukti atau data yang diterima semasa langkah awal ini juga dapat membantu dalam melengkapkan kajian. Proses untuk menghubungi pihak Kompleks Sejarah Matang mengambil masa yang agak lama kerana memerlukan persetujuan daripada pihak muzium dan surat rasmi dari pihak fakulti. Anggaran proses menghubungi pihak kompleks ini adalah sebanyak lima kali iaitu pada 17 Ogos 2021 sehingga 24 September 2021. Selain itu, aplikasi *Whatsapp* juga digunakan bagi menghubungi pihak kompleks yang

bertanggungjawab dalam menguruskan penyelidikan ini iaitu Puan Diana seperti yang ditunjukkan pada rajah 3.7.


3.5.1.2 Proses Temu Bual



Rajah 3.8: Bukti pemerolehan data daripada ketua Kompleks
Sejarah Matang
Sumber: Kajian Lapangan

Data kajian ini diperolehi semasa kajian lapangan dilakukan iaitu di Kompleks Sejarah Matang atau lebih dikenali dengan nama barunya iaitu Muzium Matang yang terletak di Matang, Perak. Proses dalam mendapatkan data kajian ini berjalan lancar dan berjaya diperolehi melalui pembantu ketua muzium iaitu Puan Nordiana. Segala maklumat awal diperolehi melalui sesi perbualan dalam telefon sebelum menuju ke lokasi kajian. Kaedah temu bual dilakukan bersama ketua Muzium Matang iaitu Puan Noraini binti Hassan di pejabat beliau seperti yang ditunjukkan pada rajah 3.8.


Proses temu bual ini melibatkan data objektif kajian pertama dan kedua iaitu mengenai faktor-faktor kerosakan kompleks sejarah serta kaedah yang digunakan dalam memulihara kompleks tersebut. Segala bentuk soalan yang ditanyakan kepada Puan Noraini telah direka terlebih dahulu. Senarai soalan ini juga ditunjukkan pada bahagian lampiran. Melalui gambar senarai soalan tersebut, pengkaji telah menetapkan dan mengasingkan terlebih dahulu soalan-soalan yang berkaitan dengan objektif kajian sama ada objektif pertama atau kedua. Hal ini dapat memudahkan dalam menstruktur soalan apabila ditanya kepada pihak muzium supaya rupa bentuk soalan tersebut tersusun dan tidak berterabur.




Rajah 3.9: Sesi pemerolehan data semasa kajian yang
dijalankan

Sumber: Kajian Lapangan

Disamping itu, pihak muzium juga banyak membantu dalam memberikan gambaran dari segi kerosakan dan kaedah yang digunakan dalam pemuliharaan serta pemeliharaan bangunan muzium tersebut. Maklumat yang diperolehi semasa sesi temu bual itu direkod dalam bentuk rakaman suara dan dicatat pada buku nota seperti yang ditunjukkan pada rajah 3.9. Pada akhir sesi pemerolehan dapatan kajian itu, ketua Kompleks Sejarah Matang iaitu Puan Noraini telah memberikan gambar melalui aplikasi *Whatsapp* untuk menyokong data kajian yang sedia ada. Gambar yang diberi merupakan bahagian kerosakan yang seringkali terjadi pada bangunan tersebut serta proses jalan kerja pemuliharaan dan pemeliharaan yang telah dilakukan. Hal ini berikutan kesukaran pengkaji dalam memperolehi gambar kajian secara langsung di lokasi tersebut.






Rajah 3.10: Proses kaedah temu bual secara keseluruhan


Rajah 3.10 merupakan carta alir bagi proses keseluruhan dalam mendapatkan data kajian melalui kaedah temu bual. Langkah pertama merupakan pendekatan awal yang diambil dalam menghubungi pihak kompleks sejarah melalui nombor telefon pejabat. Melalui komunikasi tersebut, pengkaji diminta untuk menghantar permohonan secara rasmi kepada e-mel Kompleks Sejarah Matang iaitu pr.mmatang@jmm.gov.my. Langkah selanjutnya adalah dengan menghantar makluman melalui e-mel kepada pihak kompleks tersebut dan meminta nombor petugas yang bertanggungjawab untuk dihubungi dalam penyelidikan ini. E-mel ini dilakukan secara beberapa kali kerana pihak muzium juga meminta untuk melampirkan surat rasmi kerja penyelidikan daripada pihak fakulti.

Langkah ketiga pula adalah menghubungi nombor telefon yang diberikan oleh pihak muzium dalam meneruskan kerja

penyelidikan ini. Nombor yang dihubungi tersebut merupakan ketua Kompleks Sejarah Matang iaitu Puan Noraini. Perbincangan yang dilakukan bersama Puan Noraini ini adalah seperti tujuan kerja penyelidikan dilakukan, skop kajian, objektif kajian, serta tarikh menuju ke kajian lapangan. Pada masa yang sama, Puan Noraini juga memberikan nombor telefon pembantu beliau iaitu Puan Diana untuk dihubungi dengan lebih lanjut. Langkah seterusnya adalah dengan menghubungi Puan Diana secara langsung mahupun melalui aplikasi *Whatsapp*. Langkah terakhir dalam kaedah temu bual ini adalah dengan menuju ke tapak lapangan iaitu di Kompleks Sejarah Matang. Temu bual ini dilakukan secara berhadapan dengan ketua Kompleks Sejarah Matang bagi mendapatkan data mengenai Kompleks Sejarah Matang. Segala maklumat yang direkod dan akan dicatat melalui proses analisis bagi mendapatkan jawapan setiap objektif kajian.

3.5.2 Kaedah Pemerhatian





Rajah 3.11: Panduan awalan bagi proses kaedah pemerhatian

Rajah 3.11 menunjukkan kaedah yang digunakan dalam pendekatan kualitatif iaitu kaedah pemerhatian. Pemerhatian adalah kaedah pemerolehan data secara langsung dalam sesebuah kajian kes. Terdapat dua jenis kaedah pemerhatian iaitu secara terus dan penglibatan secara langsung. Namun, kaedah secara terus dipilih dalam menjalankan kajian ini kerana perlu bersesuaian dengan keadaan semasa di kawasan kajian. Kaedah ini digunakan dalam kajian untuk mendapatkan data mengenai Kompleks Sejarah Matang. Data ini penting untuk menjawab persoalan serta objektif kajian yang dijalankan.

Seperti yang dilihat pada rajah 3.11, sebuah rangka kerja telah disediakan terlebih dahulu bagi pendekatan kualitatif dalam bentuk kaedah pemerhatian. Kaedah pemerhatian ini memerlukan penglibatan diri untuk berada di kawasan kajian iaitu di Kompleks Sejarah Matang untuk melihat kondisi kompleks tersebut secara nyata. Namun, pihak Kompleks Sejarah

Matang perlu dihubungi terlebih dahulu sebelum kaedah pemerhatian ini dijalankan. Keizinan untuk menjalankan kerja pemerhatian perlu dimohon supaya dapat memudahkan kerja yang dijalankan.


Setelah keizinan diberikan oleh pihak tersebut, satu tarikh dan masa akan dimaklumkan supaya dapat memberi gambaran semasa kedatangan ke kompleks itu. Ketetapan tarikh dan masa ini hanya sebagai maklumat tambahan kepada pihak kompleks tersebut. Kemudian, kaedah pemerhatian ini dijalankan dengan cara seperti melihat struktur kompleks tersebut dan mengambil gambar untuk dijadikan sebagai bukti kepada pemuliharaan dan pemeliharaan. Gambar yang diambil ini sangat penting dalam mana-mana kerja penyelidikan. Gambar ini juga dijadikan sebagai rujukan dalam proses melengkapkan kajian yang dijalankan.

Kaedah pemerhatian yang dijalankan akan dijadikan sebagai data tambahan untuk menjawab objektif pertama dan kedua kajian. Segala maklumat dan gambar yang diperolehi ketika pemerhatian ini juga dikumpul, dianalisis, dan diletakkan dalam analisis data kajian. Oleh kerana itu, sebuah gambaran perjalanan dalam memperoleh data seperti kaedah pemerhatian ini perlu dilakukan untuk menjadi rujukan bagi proses mendapatkan maklumat. Hal ini juga dapat mengelakkan sebarang kebarangkalian yang boleh memberi kesan buruk kepada penyelidikan.

Instrumen kajian yang berasaskan daripada pemerhatian ini perlu diteliti dari segi latar suara yang direkod dan maklumat yang dicatat semasa kajian. Bagi mendapatkan data pemerhatian yang sahih, teknik yang

digunakan juga perlulah dicampur antara teknik pemerhatian tradisional dan teknik pemerhatian secara moden. Maksud dari segi teknik itu adalah merekod suara dengan menggunakan pita perakam dan mencatat maklumat yang diperolehi dengan menggunakan buku catatan. Hal ini bertujuan bagi mengelakkan daripada keciciran maklumat kajian. Malahan, pengamatan sesebuah pemboleh ubah itu dapat dikenalpasti melalui kaedah pemerhatian.

3.5.2.1 PROSES PEMERHATIAN



Rajah 3.12: Proses kaedah pemerhatian yang telah dilakukan di Kompleks Sejarah Matang

Menurut rajah 3.12, jelas dilihat mengenai susun atur proses perjalanan kaedah pemerhatian ini dilakukan. Pemerhatian ini dijalankan bagi melihat dengan lebih teliti mengenai struktur bangunan tersebut. Langkah pertama merupakan kerja asas yang dijalankan iaitu dengan menghubungi pihak kompleks tersebut dan memaklumkan mengenai tujuan utama pemerhatian dilakukan. Langkah kedua dan ketiga pula lebih menjurus kepada proses permohonan dalam menjalankan kerja pemerhatian dan memaklumkan mengenai bahagian yang perlu difokuskan pada rumah Ngah Ibrahim tersebut.

Langkah terakhir adalah dengan menuju ke Kompleks Sejarah Matang tersebut pada 28 September 2021 iaitu hari Selasa. Pemerhatian yang dilakukan ini hanya memfokuskan kepada rumah Ngah Ibrahim sahaja. Namun begitu, terdapat beberapa kesukaran dalam memperoleh data kajian kerana kawasan muzium tersebut berada dalam proses kerja naik taraf dan ditutup sementara daripada tontonan pengunjung. Segala bentuk penangkapan gambar tidak dibenarkan pada kawasan tersebut dan pengkaji juga tidak dibenarkan berada di dalam serta sekitar kawasan muzium. Halangan ini juga membataskan pengkaji dalam menangkap gambar bangunan dan kebenaran untuk berada di kawasan tersebut. Hal ini kerana, pihak muzium telah menandatangani insuran semasa proses

kerja naik taraf dilakukan dan larangan tersebut perlu dipatuhi. Oleh itu, maklumat kajian ini diperolehi di bilik ketua Kompleks Sejarah Matang yang terletak di bahagian luar kawasan kompleks tersebut dan merupakan bekas tapak lama sekolah agama Matang. Kerja pemerhatian ini dibantu oleh ketua Kompleks Sejarah Matang tersebut dengan memberikan gambar-gambar bangunan semasa melalui proses pemuliharaan mahupun kerosakan-kerosakan yang telah dialami oleh bangunan warisan tersebut.

3.6 Analisis Data

Analisis data merupakan proses dalam mendiagnosis sesebuah maklumat yang telah diperolehi dalam kajian metodologi. Penganalisisan data yang digunakan dalam kajian ini melibatkan sumber daripada sekunder dan primer. Sumber sekunder yang dipilih dalam melengkapkan kajian ini merupakan kaedah perpustakaan, rujukan laman sesawang, dan analisis daripada jurnal atau artikel kajian terdahulu. Manakala, sumber primer yang dipilih dalam menghasilkan kajian ini adalah temu bual dan pemerhatian. Segala maklumat daripada sumber primer ini dicatat untuk mengumpulkan data-data yang diperolehi.

Analisis data kualitatif yang diperolehi dalam penghasilan kajian ini diproses secara sistematik dengan kaedah mencari dan mengolahkan sendiri pelbagai data yang diperolehi daripada pendekatan metodologi tersebut. Analisis data ini akan dimasukkan kepada beberapa kategori yang

dibahagikan dalam menjawab kepada objektif dan persoalan kajian. Setelah data ini disusun, sebuah analisis keterangan akan dihasilkan untuk mendapatkan penjelasan yang sahih mengenai jawapan kepada setiap objektif tersebut. Akhir sekali, sebuah kesimpulan ringkas atau rumusan dapat dikeluarkan untuk memberi kefahaman yang jelas mengenai jawapan kepada kajian Kepentingan Pemuliharaan Kompleks Sejarah Matang di Perak.

3.7 Rumusan Bab

Secara kesimpulannya, metodologi kajian adalah sebuah set kaedah yang digunakan dalam kajian. Metodologi yang digunakan juga perlu dirangka terlebih dahulu mengikut kaedah yang digunakan. Kemudian, kaedah ini perlu diterangkan secara jelas dan lengkap mengenai sumber kaedah, bentuk data, proses yang ingin diambil dan cara untuk mengumpul data tersebut. Data yang dipilih juga merangkumi dari segi data primer dan sekunder. Hal ini kerana, data pertama dan data kedua ini perlu digabungkan untuk melengkapi sesebuah kajian atau untuk menjawab objektif kajian yang ditetapkan.

Metodologi kajian merupakan salah satu aspek yang amat bernilai dan penting dalam setiap kajian yang dijalankan. Hal ini kerana, maklumat yang diperolehi daripada metodologi ini dijadikan dan dimasukkan dalam analisis data. Analisis data ini pula akan menjawab segala objektif yang dikemukakan. Jika metodologi kajian yang digunakan adalah salah atau tidak bersesuaian, maka proses untuk mendapatkan maklumat itu tidak akan berjalan lancar.

Malahan, tinggi kemungkinan bahawa data yang diperolehi itu tidak mampu menjawab objektif dan persoalan kajian. Oleh kerana itu, segala persediaan dan rujukan awal perlu dilakukan untuk menetapkan kaedah yang sesuai dan merangka proses pengumpulan data tersebut.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Pada bab 4, segala maklumat data kajian diperolehi dan dianalisis mengikut susunan ketetapan objektif. Maklumat yang diterima juga ditapis mengikut kepada kesesuaian objektif kajian dan akan dipaparkan. Maklumat ini diperolehi melalui kaedah kajian yang telah ditetapkan pada bab sebelum ini iaitu secara kaedah temu bual dan pemerhatian. Data kajian yang dikumpul merupakan jawapan kepada dua objektif dan persoalan yang terlibat iaitu mengenalpasti faktor-faktor kerosakan Kompleks Sejarah Matang di Perak dan mengetahui kaedah yang digunakan dalam memulihara dan memelihara Kompleks Sejarah Matang di Perak. Proses dapatan kajian ini bermula pada bulan Ogos iaitu melalui pencarian secara atas talian daripada sumber-sumber sah seperti laman web Jabatan Muzium Malaysia, Jabatan Warisan Negara, dan Majlis Perbandaran Taiping. Setelah berhubung dan bersetuju dengan pihak Kompleks Sejarah Matang, proses gerak kerja untuk berkunjung ke lokasi kajian telah ditetapkan bagi mendapatkan data.

Hasil daripada data yang diperolehi semasa kajian dilakukan, terdapat beberapa pengasingan yang telah dilakukan bagi memudahkan data ini disusun dalam menjawab objektif kajian. Data pertama yang diterangkan dapat menjawab kepada objektif kajian pertama iaitu berkaitan dengan faktor-faktor yang mengakibatkan kerosakan kepada Kompleks Sejarah Matang yang

difokuskan kepada rumah Ngah Ibrahim. Data ini kebanyakannya diperolehi melalui kaedah temu bual bersama ketua Kompleks Sejarah Matang. Data seterusnya pula menjawab kepada objektif kajian yang kedua iaitu mengenai sebarang kaedah yang dilakukan dalam memulihara bangunan tersebut. Kaedah ini pula kebanyakannya diterangkan oleh Puan Noraini semasa kerja pemerhatian dilakukan. Hasil pemerolehan data ini dapat dipaparkan mengikut sub bahagian yang telah dilakukan oleh pengkaji agar maklumat ini diterima dengan jelas.

4.2 Faktor-Faktor Kerosakan Kompleks Sejarah Matang Di Perak


Kerosakan pada bangunan sejarah merupakan perkara lazim yang sering berlaku pada bangunan-bangunan lama. Hal ini disebabkan oleh faktor usia bangunan tersebut yang telah melebihi 100 tahun. Perkara sama juga berlaku kepada Kompleks Sejarah Matang yang telah mengalami beberapa kerosakan kerana usianya yang telah lama. Disamping itu, persekitaran kawasan kompleks sejarah tersebut juga menjadi penyumbang kepada kewujudan kerosakan kerana mempunyai ciri-ciri terbuka terhadap cuaca persekitaran. Setiap kerosakan yang terjadi mempunyai puncanya yang tersendiri. Faktor yang mengakibatkan kerosakan ini secara umumnya terdiri daripada beberapa jenis seperti dari segi faktor cahaya, faktor suhu, faktor manusia, faktor serangga perosak, dan sebagainya lagi. Faktor kerosakan ini merupakan gangguan serius kepada struktur asal bangunan sejarah kerana boleh memberikan implikasi buruk.

Pada bahagian ini, faktor yang mengakibatkan kerosakan kepada Kompleks Sejarah Matang atau secara khususnya pada rumah Ngah Ibrahim akan diterangkan mengikut sub bahagian. Hal ini kerana, terdapat tiga jenis faktor yang memberi kesan kepada kerosakan bangunan iaitu dari aspek manusia, bencana alam, dan kelembapan. Maklumat yang diperolehi ini merupakan maklumat sahih yang diterima semasa kajian lapangan dilakukan iaitu daripada penerangan Puan Noraini. Menurut ketua Kompleks Sejarah Matang iaitu Puan Noriani, faktor-faktor kerosakan ini merupakan gangguan yang sering kali terjadi pada bangunan Kompleks Sejarah Matang sejak dahulu lagi. Pada masa yang sama, faktor seperti ini juga masih berlaku pada masa kini namun diberikan rawatan secara berkala. Gangguan ini sebenarnya memberikan kesan kepada bangunan muzium pada sesuatu tempoh sebelum kerja pemuliharaan dan pemeliharaan dijalankan.

4.3 Faktor Kerosakan Ekstrusif

Secara asasnya, terdapat dua jenis faktor kerosakan yang terlibat dalam bidang konservasi bangunan iaitu faktor ekstrusif dan faktor intrusif. Menurut hasil temu bual dan bantuan pemerhatian yang dijalankan bersama dengan ketua Kompleks Sejarah Matang, didapati dengan jelas bahawa setiap kerosakan yang berlaku pada bangunan tersebut adalah disebabkan oleh faktor ekstrusif. Faktor ekstrusif ini dapat dipecahkan kepada dua iaitu dari segi tindakan mekanikal dan tindakan kemikal. Faktor ekstrusif ini merupakan faktor luaran yang memberi kesan kepada sesuatu bangunan seperti yang terjadi

pada rumah Ngah Ibrahim. Bagi kajian ini, faktor kerosakan yang terlibat dalam faktor ekstrusif adalah tindakan mekanikal.



Rajah 4.1: Senarai faktor-faktor kerosakan yang berlaku pada Kompleks Sejarah Matang

Rajah 4.1 dapat memberikan gambaran jelas mengenai senarai faktor kerosakan yang terlibat pada bangunan rumah Ngah Ibrahim ini. Faktor ekstrusif yang terjadi ini melibatkan tindakan mekanikal. Proses kerosakan tindakan mekanikal melibatkan faktor luaran daripada bahan bangunan tersebut. Tindakan mekanikal ini dapat didorong daripada pelbagai aspek yang terlibat seperti suhu, kelembapan, cahaya matahari, manusia, dan sebagainya. Jelas

daripada senarai contoh aspek ini bahawa faktor luaran merupakan salah satu faktor yang sukar dibendung kerana ketidakpastian perubahannya.

4.3.1 Faktor Kerosakan Disebabkan Oleh Manusia

Manusia merupakan salah satu gangguan terbesar pada bangunan warisan walaupun tanpa disedari. Menurut penjelasan daripada Puan Noraini, bangunan muzium Matang ini telah lama digunakan iaitu sejak tahun 1858. Bangunan ini telah mengalami pelbagai fasa peralihan daripada sebuah kediaman orang besar kepada maktab perguruan, pejabat British, markas tentera, dan terakhir sekali iaitu sebagai sebuah sekolah sebelum diserahkan kepada Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Bangunan ini telah lama digunakan sebagai sebuah sekolah sebelum diserahkan kepada pihak JMM pada tahun 2000. Oleh itu, gangguan yang dihasilkan oleh manusia adalah dari segi cara penggunaan terhadap bangunan tersebut selama beroperasi. Pada masa yang sama, gangguan ini amat ketara dilihat kerana kepentingannya kepada masyarakat suatu ketika dahulu.

4.3.1.1 Faktor Hentakan

Bangunan Muzium Matang atau Kompleks Sejarah Matang ini pernah digunakan sebagai sekolah rendah bagi pelajar di kawasan daerah Matang. Secara umumnya apabila dijadikan sebagai sebuah sekolah, banyak kerosakan-kerosakan yang akan wujud berikutan penggunaan daripada pelbagai peringkat umur dan jumlah kapasiti

yang ramai. Hal ini terbukti dengan maklumat yang diterangkan oleh ketua Muzium Matang iaitu dari segi kerosakan simen dan lantai bangunan yang pecah. Hentakan yang kuat dipercayai telah mengakibatkan struktur lantai dan bangunan itu mengalami gangguan kerosakan. Kerosakan ini paling jelas dilihat yang disebabkan oleh faktor manusia itu sendiri semasa penggunaannya.

Kerosakan yang disebabkan oleh hentakan ini bukan sahaja berlaku ketika bangunan Ngah Ibrahim dijadikan sebagai sekolah, malahan sering juga berlaku ketika bangunan ini masih berfungsi dan digunakan oleh manusia. Hentakan ini melibatkan juga dari segi pergerakan objek mahupun peralatan yang berat sehingga menghasilkan geseran pada fabrik kayu. Hal ini dapat mengikis permukaan kayu pada bangunan tersebut. Secara asasnya, fabrik kayu amat sensitif kepada sentuhan objek yang kuat dan tajam. Oleh itu, sebarang hentakan, geseran, mahupun tindakan manusia yang kasar dapat memberikan kesan buruk kepada fabrik bangunan tersebut berikutan keadaanya yang dihasilkan daripada kayu. Hal ini secara tidak langsung dapat memberikan kerosakan secara fizikal kepada bangunan tersebut.

4.3.1.2 Faktor Kekurangan Teknik Penjagaan Khusus



Rajah 4.2: Rumah Ngah Ibrahim yang dijadikan sebagai Sekolah
Kebangsaan Matang

Sumber: JendelaDBP.com.my

<https://dewanbudaya.jendeladbp.my/2021/11/25/long-jaafar-dan-menteri-ngah-ibrahim-pencetus-sejarah-pendidikan-formal-negeri-perak/>

Penggunaan manusia terhadap bangunan kompleks sejarah ini suatu ketika dahulu adalah sangat kerap kerana hampir setiap hari bangunan ini beroperasi. Sebagai contoh, bangunan ini dijadikan sebagai maktab perguruan dan digunakan pada setiap masa. Rajah 4.2 menunjukkan situasi bangunan rumah Ngah Ibrahim yang dijadikan sebagai Sekolah Kebangsaan Matang selepas sahaja fungsi maktab perguruan diberhentikan. Keadaan bangunan yang berbeza dengan keadaan asal dapat dilihat dengan jelas kerana keadaan yang agak uzur dan tidak terjaga. Hal ini kerana, teknik penjagaan bangunan yang khusus di Malaysia masih kurang serta tidak diaplikasikan dengan efektif ketika itu dan telah memberi

kesan kepada seni bina kompleks tersebut. Teknik penjagaan bangunan dapat menjaga kualiti pada struktur bangunan tersebut. Teknik penjagaan bangunan yang lama juga berbeza dengan bangunan yang baharu kerana perbezaan kualiti dan ketahanan pada fabrik bangunan tersebut. Kekurangan teknik ini juga sedikit sebanyak berpunca daripada manusia sendiri kerana tidak memiliki pandangan yang luas dalam menyediakan penjagaan yang khusus.

Kelemahan dari segi kekurangan teknik penyediaan yang khusus ini juga memberikan kesan buruk kepada bangunan. Usia bangunan yang telah menjangkau tempoh panjang juga amat memerlukan penyelenggaraan yang berkualiti dan menyeluruh daripada pihak tertentu. Ini merupakan salah satu tindakan manusia yang diperlukan ketika waktu tersebut berikutan bangunan ini telah banyak berfungsi sebagai medan pendidikan atau pentadbiran. Namun, kelemahan atau lebih mudah dikatakan sebagai ketidakprihatinan dalam melibatkan penyelenggaraan bangunan oleh manusia ini menyebabkan rumah Ngah Ibrahim ketika itu berada dalam keadaan yang tidak terjaga. Oleh itu, bangunan Kompleks Sejarah Matang ini kerap digunakan oleh masyarakat dalam keadaan yang tanpa disedari telah mengakibatkan kerosakan secara berterusan kepada struktur bangunan tersebut.

4.3.2 Faktor Kerosakan Disebabkan Oleh Bencana Alam

Faktor kerosakan yang disebabkan oleh bencana alam merupakan salah satu faktor ekstrusif yang lazim berlaku dalam bidang konservasi.

Bencana alam boleh disebabkan oleh beberapa kejadian seperti tsunami, banjir, gempa bumi, dan taufan. Kedudukan Malaysia yang berada pada iklim hutan hujan tropika jelas menunjukkan bahawa taburan hujan berlaku dengan tinggi. Kekerapan hujan ini juga dapat mengakibatkan peningkatan air sungai terutama di negeri Perak. Terdapat juga keadaan dimana hujan ini berlaku dalam keadaan yang lebat dan boleh menyebabkan bencana alam seperti banjir. Pada masa yang sama, keadaan air sungai yang tinggi dan bertembung dengan air pasang boleh memburukkan pengaliran air ke laut.

Bencana alam ini juga boleh disebabkan oleh kejadian lain seperti yang telah dimaklumkan. Namun dalam konteks Kompleks Sejarah Matang ini, banjir merupakan salah satu faktor bencana alam yang paling kerap berlaku di daerah Larut, Matang, dan Selama. Hal ini juga disebabkan oleh beberapa aspek yang saling berkaitan dan menjadi faktor utama berlakunya banjir. Oleh itu, bahagian ini akan menerangkan secara teliti bagaimana bencana alam banjir menjadi faktor berlakunya kerosakan terhadap rumah Ngah Ibrahim tersebut.

4.3.2.1 Faktor Banjir

Bencana alam yang sering berlaku di kawasan muzium adalah disebabkan oleh banjir daripada air masin. Kompleks Sejarah Matang ini dikelilingi oleh sungai Matang yang dijadikan sebagai pelabuhan suatu ketika dahulu. Pada masa yang sama, kawasan kompleks ini juga berada berhampiran dengan laut dan merupakan kawasan yang rendah. Apabila

berlakunya perubahan cuaca iaitu hujan, kawasan tersebut sering kali dinaiki air daripada sungai dan laut lalu menyebabkan banjir. Air masin yang berada dalam kawasan kompleks memberikan kesan kerosakan yang buruk kepada struktur bangunan tersebut kerana kandungan garam yang tinggi dan boleh menyebabkan hakisan pada sesebuah struktur. Tambahan pula, struktur bangunan Muzium Matang yang dibangunkan daripada material papan mempunyai kadar sensitif yang tinggi terhadap air masin kerana papan itu merupakan daripada bahan asas organik.

Faktor bencana alam seperti banjir merupakan sebuah kejadian alam yang tidak dapat dielakkan. Namun begitu, perubahan keadaan kawasan kompleks mendorong kepada kenaikan air di kawasan tersebut. Pada masa dahulu, sungai yang berada di bahagian belakang kompleks sejarah adalah dalam saiz yang besar. Namun, setelah beberapa kali kejadian banjir berlaku yang menyebabkan kepada kesempitan kawasan sungai tersebut sehingga keadaan banjir di kawasan itu menjadi lebih teruk. Malahan, faktor banjir ini juga memberi kesan kepada pengukuhan struktur bangunan yang disebabkan oleh keadaan tanah lembab. Selain itu, kerosakan ini juga disebabkan sistem perparitan yang lemah di kawasan tersebut sehingga menyukarkan air untuk disalurkan kepada luar kawasan kompleks. Oleh itu, lebih air banjir ini terpaksa bertakung di tanah kawasan kompleks sehingga menyebabkan beberapa kerosakan dan menjejaskan bentuk serta struktur asal Kompleks Sejarah Matang.

4.3.3 Faktor Kerosakan Disebabkan Oleh Kelembapan

Kelembapan merupakan antara salah satu faktor yang sering mengakibatkan kerosakan kepada bangunan-bangunan lama kerana struktur bangunan yang kebanyakannya diperbuat daripada bahan organik. Kelembapan dipengaruhi oleh faktor cuaca yang berlaku pada kawasan tersebut. Sifat sesebuah bahan organik itu tidak boleh berada dalam keadaan kelembapan yang terlalu tinggi mahupun terlalu rendah. Hal ini kerana, kelembapan yang tinggi boleh mengakibatkan kedatangan serangga yang dijadikan sebagai tempat habitat manakala kelembapan yang terlalu rendah boleh menyebabkan regangan pada struktur papan.

Bangunan Kompleks Sejarah Matang mengalami kerosakan seperti dinding lantai yang berlubang dan reput serta bumbung bangunan yang bocor. Menurut ketua Kompleks Sejarah Matang atau Muzium Matang ini, kedua-dua kerosakan yang berlaku berpunca daripada faktor kerosakan yang sama iaitu kelembapan. Kelembapan yang sering berubah mengakibatkan struktur pada papan tersebut menjadi renggang lalu boleh mengakibatkan pereputan. Dinding lantai yang berlubang dan reput disebabkan oleh proses pengembangan dan pengeringan. Lantai dan dinding bangunan muzium itu diperbuat daripada kayu papan yang merupakan bahan organik. Struktur kayu bangunan terdedah kepada cuaca yang sejuk dan juga panas. Oleh itu, kayu akan mengembang dan berada dalam keadaan lembab apabila waktu hujan serta cuaca sejuk. Kayu akan menjadi mudah rapuh disebabkan oleh penyerapan kelembapan yang berlaku. Pada masa yang sama, kayu itu juga terdedah kepada cuaca yang panas. Apabila cuaca panas berlaku, struktur kayu akan menjadi kering.

Pendedahan kayu kepada perubahan cuaca ini mengakibatkan kerosakan pereputan kerana tidak mempunyai kelembapan yang stabil.



Rajah 4.3: Sebahagian dinding bangunan mengalami pertumbuhan lumut disebabkan kelembapan yang tinggi

Sumber: Puan Noraini binti Hassan, ketua Kompleks Sejarah Matang

Pada masa yang sama, keadaan persekitaran yang lembab juga menyebabkan pertumbuhan lumut di bahagian dinding yang konkrit seperti di bahagian tangga rumah mahupun tiang luar rumah. Kewujudan lumut ini dipengaruhi oleh keadaan yang sejuk dan tersembunyi daripada sinaran cahaya matahari. Kekurangan pendedahan cahaya matahari menyebabkan keadaan tersebut menjadi lembab.



Rajah 4.4: Keadaan pada bahagian bumbung yang mengalami kerosakan disebabkan oleh beberapa faktor seperti kelembapan

Sumber: Puan Noraini binti Hassan, ketua Kompleks Sejarah Matang

Faktor kerosakan yang disebabkan oleh kelembapan juga dapat menarik minat serangga perosak untuk bersarang di kawasan tersebut. Hal ini terbukti dengan penerangan yang dijelaskan oleh Puan Noraini mengenai salah satu kerosakan jelas pada bangunan muzium iaitu bumbung yang berlubang. Bumbung yang berlubang ini boleh berpunca daripada pelbagai faktor namun yang paling ketara adalah daripada serangga perosak. Kawasan yang mempunyai kelembapan tinggi merupakan habitat bagi serangga perosak. Hal ini kerana, kawasan tersebut berada dalam keadaan yang gelap dan juga sejuk. Pada masa yang sama, struktur bumbung rumah tersebut yang diperbuat daripada bahan organik menjadi makanan utama bagi serangga perosak. Serangga ini akan memakan tisu-tisu kayu pada struktur bumbung tersebut dan menyebabkannya reput serta berlubang. Rajah 4.4 menunjukkan

ketidaksempurnaan pada bahagian bumbung yang mengalami kerosakan disebabkan oleh faktor tersebut sebelum melalui proses pemuliharaan.

4.4 Kaedah Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Kompleks Sejarah Matang Di Perak

Pemuliharaan dan pemeliharaan merupakan salah satu kerja konservasi yang dilakukan pada setiap bangunan warisan ataupun mana-mana artifak sejarah. Tindakan ini mampu menjaga nilai warisan yang terdapat pada bangunan tersebut untuk sentiasa kekal dan tidak mengalami kerosakan yang semakin teruk. Hal ini kerana, keunikan pada setiap seni bina yang dilakukan pada zaman dahulu mempunyai nilai estetik yang amat tinggi. Kaedah pemuliharaan merupakan tindakan awal dalam memulihara sesebuah bangunan warisan yang telah mengalami kerosakan-kerosakan dalam tempoh yang lama manakala kaedah pemeliharaan adalah tindakan dalam mengekalkan struktur bangunan warisan itu dalam keadaan yang asal agar tidak berlakunya kerosakan dari semasa ke semasa sehingga menjejaskan rupa ataupun nilai pada struktur tersebut.

Bangunan Kompleks Sejarah Matang ini telah menjalani kerja pembaikan pada tahun 2000 iaitu selepas bangunan ini dijadikan sebagai sebuah sekolah rendah di daerah Matang. Kerja-kerja pembaikan ini dijalankan apabila diserahkan kepada Jabatan Muzium dan Antikuiti kerana diwartakan sebagai sebuah muzium. Menurut Puan Noraini, kerja konservasi ini mengambil tempoh selama hampir 4 tahun. Pada pertengahan tahun 2004, bangunan warisan ini telah sedia dibuka untuk kehadiran pelawat. Tempoh kerja-kerja pembaikan ini

tidak mengambil masa terlalu lama kerana bangunan ini berada dalam keadaan yang tidak terlalu teruk berikutan kegunaanya sebagai sebuah sekolah yang masih dijaga. Secara khususnya, keadaan bangunan ini tidak mengalami kemusnahan yang terlalu serius sehingga mengubah reka bentuk asal bangunan. Terdapat beberapa koleksi gambar kerja pemuliharaan yang masih disimpan oleh pihak Kompleks Sejarah Matang untuk dijadikan sebagai data kajian.

4.4.1 Kaedah Pemuliharaan

Pemuliharaan dalam konservasi merupakan kaedah yang agak kompleks kerana memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak profesional seperti kontraktor, konservator bangunan, pakar sejarah dan sebagainya. Hal ini kerana kaedah pemuliharaan adalah memulihara bangunan yang rosak untuk menjadi sama seperti reka bentuk bangunan asal. Kaedah pemuliharaan yang dilakukan pada bangunan Kompleks Sejarah Matang ini tertakluk kepada Akta Bangunan Warisan kerana berada dalam pengawasan Jabatan Muzium Malaysia. Hal ini bermaksud, segala bentuk pemuliharaan atau pembaikan yang dijalankan mempunyai garis panduan tetap yang perlu dipatuhi.



Rajah 4.5: Kerja-kerja pemuliharaan pada bangunan asal rumah Ngah Ibrahim

Sumber: Puan Noraini binti Hassan, ketua Kompleks Sejarah Matang

Pada dasarnya, bangunan Kompleks Sejarah Matang ini telah menjalani kerja pembaikan ataupun kerja pemuliharaan pada tahun 2000 sehingga awal tahun 2004. Rajah 4.5 menunjukkan kerja-kerja pemuliharaan yang hampir siap dilakukan pada bangunan muzium tersebut. Semasa bangunan ini digunakan sebagai sekolah, terdapat beberapa penambahan struktur seperti bilik pada bahagian dalam bangunan tersebut. Penambahan yang dilakukan amat berfungsi untuk keadaan waktu itu kerana keperluan sebagai sebuah sekolah. Namun, penambahan struktur ini perlu dibuang apabila bangunan diambil alih dan dijadikan sebagai muzium. Hal ini kerana, penambahan tersebut tidak menepati struktur asal bangunan sejarah. Apabila bangunan ini dijadikan sebagai sebuah muzium, kondisi reka bentuk dalaman dan luaran bangunan perlulah selari seperti yang asal kerana mempunyai nilai estetik pada zaman Ngah Ibrahim.

Bangunan sejarah ini hanya melalui proses baik pulih dan tidak menjalani sebarang penambahan serius pada struktur bangunan. Sebarang kerosakan yang berlaku akan diganti dengan bahan asal struktur tersebut. Ciri gantian objek ini sangat penting untuk sama seperti objek asli pada bahagian tersebut. Menurut Puan Noraini, terdapat kerosakan separuh pada papan lantai dan kawasan yang mengalami kerosakan itu akan ditampal dengan ciri-ciri papan yang asal. Kaedah ini dapat menjaga nilai pada struktur asal bangunan. Selain itu, jalinan antara ciri pada struktur lama dan struktur yang ditambah baru itu dapat menunjukkan keserasian antara satu sama lain dan tidak kelihatan berbeza. Antara bahagian yang paling ketara dijalankan kerja pemuliharaan adalah pada struktur lantai dan dinding rumah tersebut yang mengalami kerosakan seperti pecah serta reput.



Rajah 4.6: Kerja-kerja pemuliharaan pada bahagian bumbung bangunan

Sumber: Puan Noraini binti Hassan, ketua Kompleks Sejarah Matang

Disamping itu, terdapat juga kerja pemuliharaan yang dilaksanakan pada bahagian bumbung bangunan muzium. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, bahagian bumbung juga mengalami kerosakan semasa awal bangunan ini diambil alih. Struktur bumbung yang rosak ini diganti baru dengan ciri-ciri bumbung yang sama seperti bumbung asal. Rajah 4.6 menunjukkan kerja pembaikan yang dilakukan pada bahagian bumbung dan sebahagian rumah Ngah Ibrahim semasa bangunan tersebut melalui proses pemuliharaan. Bahagian bumbung yang dipulihara bukan sahaja pada bahagian dalaman bangunan, malahan melibatkan juga bumbung pada bahagian anjung yang lebih mudah mengalami kerosakan disebabkan cuaca luar. Kerja pemuliharaan yang dijalankan ini melibatkan kerjasama pihak kontraktor yang telah dipersetujui oleh Jabatan Muzium Malaysia.



Rajah 4.7: Proses pemuliharaan pada bahagian hadapan bangunan
Kompleks Sejarah Matang

Sumber: Puan Noraini binti Hassan, ketua Kompleks Sejarah Matang

Pada masa yang sama, kerja pemuliharaan dijalankan juga kepada hampir sebahagian bangunan muzium Matang iaitu merupakan rumah Ngah Ibrahim. Rajah 4.7 menunjukkan proses kerja pemuliharaan yang dijalankan pada bahagian hadapan bangunan. Permukaan kayu bangunan telah dicat sepenuhnya seperti warna asal bangunan tersebut iaitu warna putih. Penambahan cat ini juga dapat menaikkan nilai keaslian yang dapat dilihat pada bangunan tersebut. Selain itu, segala kehadiran lumut pada dinding mahupun celahan bangunan tersebut telah dibuang. Sebarang kekotoran atau kerosakan telah diperbetulkan mengikut kepada reka bentuk dan keadaan bangunan asal. Terdapat beberapa kerja pembaikan lain dijalankan pada bangunan tersebut seperti melakukan pembaharuan kepada syiling bangunan. Hal ini kerana, bahagian syiling juga mengalami kerosakan teruk disebabkan oleh beberapa faktor kerosakan yang terlibat.

Proses kerja pemuliharaan terhadap bangunan Kompleks Sejarah Matang ini dijalankan dengan melalui prinsip asas kerja konservasi terhadap bangunan iaitu meminimalkan gangguan terhadap bangunan dengan hanya melakukan kerja pemuliharaan terhadap struktur atau bahagian yang mengalami kerosakan sahaja. Prinsip kedua adalah dengan menggunakan keputusan kajian saintifik yang telah dilakukan oleh makmal dalam mengenal pasti kandungan bahan pada setiap fabrik bangunan manakala prinsip terakhir pula adalah dengan menjalankan pendokumentasian kajian dari segi sebelum, semasa, dan selepas bangunan itu melalui proses pemuliharaan. Ketiga-tiga prinsip ini menjadi nilai asas kepada segala tindakan dalam kerja pemuliharaan.

Kerja pemuliharaan yang dijalankan ini sebenarnya memberikan nafas baru kepada bangunan tersebut kerana diuruskan dengan cermat dan berwibawa daripada pelbagai pihak profesional. Menurut Puan Noraini lagi, kerja pemuliharaan ini mengambil masa yang agak lama berikutan ketelitian pihak profesional dalam menjalankan kerja konservasi. Oleh itu, kaedah pemuliharaan yang dilaksanakan secara sistematik dan menyeluruh ini dapat mengembalikan semula nilai keaslian bangunan Kompleks Sejarah Matang kepada zaman kini.

4.4.2 Kaedah Pemeliharaan

Pemeliharaan adalah kaedah yang digunakan selepas kerja pemuliharaan atau sebarang kerja pembaikan asas telah dilakukan. Pemeliharaan ini dapat menjaga kualiti pada sesebuah struktur supaya tidak mengalami kerosakan serius dari semasa ke semasa yang disebabkan oleh keadaan persekitaran. Hal ini kerana, kaedah pemeliharaan bukan bersifat *one off* tetapi kaedah ini dilakukan secara berkala oleh pihak muzium dibawah penelitian Jabatan Muzium Malaysia. Jabatan Muzium Malaysia berhak mengawasi dan menetapkan setiap kaedah pemeliharaan yang perlu digunakan oleh pihak muzium kerana Kompleks Sejarah Matang ini berada di bawah pengawasan Jabatan Muzium Malaysia dan bukan bersifat muzium persendirian.

(Quotation Notice) Kerja-Kerja Baikpulih Surau, Pembaikan Tandas dan Kemudahan Fasiliti Serta Kerja Berkaitan di Muzium Matang Perak 301 bacaan Borang Pendaftaran Kontraktor Advertisement: Procurement Iklan: Sebut Harga dan Tender Tarikh Tutup Sebut Harga: Selasa, 25 Mei, 2021 - 12:00 jmmweb - 12 Mei 2021
(Notis Sebut Harga) Kerja-Kerja Baikpulih Surau, Pembaikan Tandas dan Kemudahan Fasiliti Serta Kerja Berkaitan di Muzium Matang Perak 494 bacaan Borang Pendaftaran Kontraktor Advertisement: Procurement Iklan: Sebut Harga dan Tender Tarikh Tutup Sebut Harga: Selasa, 25 Mei, 2021 - 12:00 jmmweb - 12 Mei 2021
(Notis Sebutharga) Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Saliran Dan Kerja Berkaitan di Kawasan Rumah Ngeh Ibrahim, Muzium Matang, Perak 380 bacaan Borang Pendaftaran Kontraktor Advertisement: Procurement Iklan: Sebut Harga dan Tender Tarikh Tutup Sebut Harga: Jumaat, 21 Mei, 2021 - 12:00 jmmweb - 30 Apr 2021
(Notis Sebutharga) Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Saliran Dan Kerja Berkaitan di Kawasan Rumah Ngeh Ibrahim, Muzium Matang, Perak 290 bacaan Borang Pendaftaran Kontraktor Advertisement: Procurement Iklan: Sebut Harga dan Tender Tarikh Tutup Sebut Harga: Jumaat, 21 Mei, 2021 - 12:00 jmmweb - 30 Apr 2021
(Notis Sebutharga) Kerja-Kerja Pemasangan Dan Pendawaian Semula Sistem Elektrik di Rumah Kapten Speedy, Muzium Matang, Perak

Rajah 4.8: Contoh senarai kerja pemeliharaan yang dijalankan pada bangunan Kompleks Sejarah Matang

Sumber: Jabatan Muzium Malaysia.gov.my


<http://www.jmm.gov.my/ms/search/node?keys=muzium+matang>

Pengawasan dari masa ke semasa yang dilakukan oleh pihak muzium ini amatlah penting bagi menjaga kualiti bangunan sejarah tersebut agar sentiasa dala keadaan yang berkualiti. Pemeliharaan yang dilakukan oleh pihak Kompleks Sejarah Matang adalah bersesuaian dengan keadaan kerosakan semasa yang telah berlaku pada bangunan tersebut. Malahan, jenis bahan atau faktor kerosakan pada bangunan muzium juga diambil kira dalam menjalankan kaedah pemeliharaan ini. Oleh itu, setiap kerja pemeliharaan yang akan dijalankan ini perlu dimasukkan atau dipaparkan dalam laman web Jabatan Muzium Malaysia sebagai bukti kepada proses kerja-kerja pemeliharaan Kompleks Sejarah Matang seperti yang ditunjukkan pada rajah 4.8.

4.4.2.1 Rawatan *Pest Control*

Keterangan yang diberikan oleh Puan Noraini mengenai kaedah pemeliharaan yang sering dijalankan pada bangunan Kompleks Sejarah Matang adalah melibatkan dua kaedah rawatan yang bertujuan dalam penjagaan tanah dan bangunan. Kaedah pemeliharaan ini sering dilakukan pada bangunan tersebut kerana faktor alam seperti perubahan cuaca yang sering berlaku di kawasan Matang. Antara kaedah pemeliharaan yang dilakukan untuk menghalang kerosakan pada bangunan itu adalah rawatan *pest control* yang dilaksanakan secara berkala. Hal ini untuk memastikan kedatangan serangga perosak yang berada pada bahagian struktur kayu itu tidak menjadikannya sebagai pembiakan habitat. Kaedah rawatan kawalan serangga ini dilakukan secara berkala kerana faktor material bangunan tersebut yang keseluruhannya dibina daripada kayu papan. Antara serangga perosak yang ditakuti melakukan sarang atau memakan kayu pada bangunan tersebut adalah seperti anai-anai, serangga kayu, dan sebagainya. Kaedah rawatan serangga perosak ini harus diteliti terlebih dahulu sebelum dijalankan dan tempoh perlaksanaannya direkod oleh pihak muzium bagi memastikan rawatan ini dijalankan secara saksama.

4.4.2.2 Rawatan Pemeliharaan Tanah



Rajah 4.9: Notis kerja sebutharga bagi kerja sistem saliran
air

Sumber: Jabatan Muzium Malaysia.gov.my

<http://www.jmm.gov.my/ms/content/kerja-kerja-penyelenggaraan-sistem-saliran-dan-lain-lain-kerja-berkaitan-di-kawasan-rumah>

Kaedah pemeliharaan seterusnya yang dilaksanakan oleh pihak muzium adalah dari segi rawatan pemeliharaan terhadap tanah bangunan Kompleks Sejarah Matang seperti yang ditunjukkan pada rajah 4.9. Struktur tanah penting dalam menjaga keutuhan sesebuah bangunan. Kaedah pemeliharaan yang dijalankan seperti kerja-kerja saliran. Faktor kawasan Matang tersebut yang merupakan kawasan banjir sedikit sebanyak telah mempengaruhi keadaan tanah pada bahagian dalam kompleks tersebut. Tambahan pula, kompleks muzium itu dikelilingi oleh tembok yang tinggi dan kawasan sungai. Kerja saliran yang dilakukan ini dapat

mengeluarkan air yang bertakung pada bahagian dalam kompleks untuk keluar ke arah sungai yang berada di bahagian belakang bangunan sejarah tersebut. Kaedah ini penting untuk mengelakkan tanah menjadi lembab dan menyebabkan kerosakan pada bangunan muzium. Kerja saliran ini tidak dilakukan secara berkala seperti rawatan serangga perosak namun akan dilakukan apabila setiap kali air bertakung pada tanah bangunan yang disebabkan oleh cuaca hujan. Oleh itu, pihak muzium akan memastikan kualiti tanah sentiasa berada dalam keadaan yang baik.

4.4.2.3 Kerja-Kerja Penyelenggaraan



Rajah 4.10: Notis kerja sebutharga bagi kerja-kerja baikpulih

Sumber: Jabatan Muzium Malaysia.gov.my

<http://www.jmm.gov.my/ms/content/notis-sebut-harga-kerja-kerja-baikpulih-surau-pembaikan-tandas-dan-kemudahan-fasiliti-serta>

Kaedah terakhir yang dilakukan oleh pihak muzium adalah kerja-kerja penyelenggaraan seperti membaiki pulih kerosakan pada tiang dan bumbung yang bocor. Bahagian bumbung sering mengalami masalah kebocoran disebabkan oleh keadaan cuaca hujan yang berpanjangan. Kerja penyelenggaraan ini tidak mempunyai tempoh tertentu untuk dilakukan tetapi bergantung kepada kewujudan kerosakan tersebut. Sebagai contoh, bangunan ini masih berada dalam keadaan penyelenggaraan kerana mengalami beberapa kerosakan berikutan kenaikan air pada awal bulan Oktober. Masalah kenaikan air di kawasan bangunan muzium tersebut sering berlaku namun tidak mempunyai jangkaan tempoh waktu yang tetap. Kos-kos yang diambil kira bagi kerja penyelenggaraan ini akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Jabatan Muzium Malaysia kerana Kompleks Sejarah Matang ini tertakluk pada persekutuan. Sebuah notis sebut harga akan dipaparkan dalam portal Jabatan Muzium Malaysia untuk mempelawa kontraktor-kontraktor terpilih dalam menjalankan kerja penyelenggaraan seperti yang ditunjukkan pada rajah 4.10. Kerja-kerja penyelenggaraan lain juga dilakukan pada bangunan muzium untuk menaik taraf bangunan ini dari masa ke semasa dan memastikan kerosakan yang terjadi dapat dirawat dengan segera.

4.5 Proses Pemeliharaan

Kerja pemeliharaan yang terlibat pada Kompleks Sejarah Matang perlu melalui beberapa prosedur penting sebelum diluluskan sendiri oleh pihak Jabatan Muzium Malaysia. Sebuah notis harga akan dikeluarkan terlebih dahulu oleh pihak (JMM) untuk mencari *tender* yang sesuai dan layak bagi menjalankan kerja-kerja pemeliharaan tersebut. Menurut data yang diperolehi daripada temu bual bersama ketua Kompleks Sejarah Matang, setelah beberapa syarikat dikenal pasti maka sebuah perbincangan akan dilakukan untuk menilai dan memilih syarikat yang layak dengan kredibiliti tertentu.

3.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Saliran Dan Kerja Berkaitan Di Kawasan Rumah Ngah Ibrahim, Muzium Matang, Perak	KOD : 7/7 – AMBER SONIC SDN BHD No. 556, Taman Kota Jaya, 34700 Simpang, Perak.	RM344,900.00
----	--	--	--------------

Rajah 4.11: Pemilihan bagi kerja penyelenggaraan sistem saliran

Sumber: Jabatan Muzium Malaysia.gov.my

<http://www.jmm.gov.my/ms/content/keputusan-mesyuarat-jawatankuasa-sebutharga-jmm-bil72021>

4.	Kerja-Kerja Baikpulih Surau, Pembalikan Tandas Dan Kemudahan Fasiliti Serta Kerja Berkaitan Di Muzium Matang, Perak	KOD : 4/6 – FIRUS SINAR 18, Jalan Jelapang Maju 3, Taman Perindustrian Jelapang Maju, 30020 Ipoh, Perak	RM244,170.00
----	---	---	--------------

Rajah 4.12: Pemilihan bagi kerja baikpulih fasiliti

Sumber: Jabatan Muzium Malaysia.gov.my

<http://www.jmm.gov.my/ms/content/keputusan-mesyuarat-jawatankuasa-sebutharga-jmm-bil72021>

Menurut rajah 4.11 dan 4.12, kerja-kerja pemeliharaan yang dijalankan ini akan dipaparkan sekali syarikat yang telah memenangi *tender* tersebut dan bertanggungjawab dalam proses pemeliharaan yang dijalankan. Syarikat ini juga diberikan peruntukan dalam menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan pada rumah Ngah Ibrahim. Pemilihan pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan pemeliharaan ini merupakan daripada golongan yang profesional dan mempunyai kebiasaan dalam berinteraksi bersama bangunan warisan. Namun begitu, kerja yang dijalankan ini masih berada dalam pengawasan dan penelitian pihak Jabatan Muzium Malaysia bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diduga.

Proses pemeliharaan seterusnya menumpukan kepada skop yang lebih terperinci pada bangunan rumah Ngah Ibrahim tersebut dari segi kawalan *pest control*, pemeliharaan tanah, serta kerja-kerja penyelenggaraan lain yang dijalankan. Kawalan *pest control* ini digunakan selepas kerja pembersihan dijalankan pada permukaan atau ruang yang menjadi tumpuan utama serangga. Penggunaan *pest control* ini bukan sahaja untuk mengelakkan fabrik kayu dimakan oleh anai-anai tetapi juga untuk membunuh serangga-serangga lain yang boleh memberi kesan kepada permukaan atau ruangan bangunan tersebut. Menurut data yang diberikan, amaun penggunaan *pest control* ini perlulah bersesuaian dan tidak menjejaskan fabrik kayu tersebut atau pada sebarang bahagian bangunan. Namun, jumlah ini hanyalah diketahui oleh pihak yang terlibat dalam kerja pemeliharaan itu sahaja. Malahan, kerja pembersihan serangga perosak ini juga dijalankan dengan tempoh berkala setelah mendapat kelulusan Jabatan Muzium Malaysia. Jelas dilihat bahawa,

kaedah *pest control* ini digunakan selepas kerja pembersihan pada sesuatu kawasan kerana dianggap sebagai langkah terakhir dan berkesan dalam membasmi serangga perosak.

Proses seterusnya adalah dengan menjaga pemeliharaan tanah pada kawasan rumah Ngah Ibrahim atau Kompleks Sejarah Matang. Seperti yang diterangkan sebelum ini, pemeliharaan tanah melibatkan kerja-kerja saliran air. Proses ini melibatkan pihak yang profesional kerana tanah amat sensitif untuk dijaga. Tambahan pula, keadaan saliran air yang agak kurang baik dapat memberi kesan kepada bangunan melalui kelembapan tanah. Proses dalam kerja ini dilakukan terutamanya apabila daerah Larut, Matang, dan Selama mengalami musim hujan yang berpanjangan. Hal ini kerana, kemungkinan kawasan kota tersebut dinaiki air amat tinggi berikutan dikelilingi oleh sungai dan laut. Oleh itu, kebanyakan kerja pemeliharaan tanah ini melibatkan juga pihak daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia bagi merangka dengan lebih strategik mengenai pelan-pelan kerja saliran air tersebut.

Proses pemeliharaan yang terakhir adalah dari segi kerja-kerja penyelenggaraan yang lain atau penambahbaikan kemudahan fasiliti. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan ini lebih menumpukan kepada kerosakan semasa yang berlaku terhadap rumah Ngah Ibrahim seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Proses dalam kerja ini sama juga seperti proses pemeliharaan yang lain iaitu melibatkan pihak profesional daripada luar dan telah diluluskan oleh Jabatan Muzium Malaysia. Kerja-kerja penyelenggaraan ini perlu mematuhi prinsip dan prosedur yang telah ditetapkan. Hasil kerja penyelenggaraan ini perlu selari dengan piawaian yang telah ditetapkan dan

disasarkan oleh pihak muzium. Akhir sekali, segala kerja pemeliharaan yang dijalankan ini perlu direkodkan sebagai bukti kepada pihak Jabatan Muzium Malaysia dan dijadikan rujukan untuk proses kerja pemeliharaan seterusnya.

4.6 Rumusan Bab

Secara ringkasnya, bahagian dapatan kajian ini merupakan kumpulan maklumat yang telah diperolehi dan dianalisis mengikut kesesuaian kajian. Pembahagian dapatan kajian ini haruslah selari dan mengikut bilangan objektif kajian yang telah ditetapkan. Mengikut pemerolehan data, hasil maklumat ini diasingkan kepada dua objektif kajian iaitu mengenalpasti faktor-faktor kerosakan Kompleks Sejarah Matang di Perak dan mengetahui kaedah yang digunakan dalam memulihara dan memelihara Kompleks Sejarah Matang di Perak. Pengasingan maklumat ini dapat menggambarkan secara jelas dan mampu difahami bagi jawapan persoalan dan objektif kajian. Maklumat yang diperolehi ini adalah daripada Puan Noraini iaitu ketua Kompleks Sejarah Matang dan juga daripada pembantu beliau iaitu Puan Diana. Proses dalam mendapatkan maklumat ini berjalan dengan lancar walaupun terdapat beberapa halangan dalam memperolehi gambar kerana kawasan muzium yang terpaksa tutup disebabkan oleh kerja-kerja naik taraf sehingga bulan Januari.

Kompleks Sejarah Matang ini telah melalui beberapa penjenamaan semula nama bangunan sejak diwartakan sebagai sebuah muzium dan yang paling terbaru adalah dikenali dengan Muzium Matang. Bangunan muzium ini telah mengalami beberapa kerja pemuliharaan dan pemeliharaan semasa proses muzium ini dibangunkan. Kerja pemuliharaan yang dijalankan hampir sama

dengan bangunan-bangunan sejarah yang lain kerana tertakluk kepada Akta Bangunan Warisan. Sebarang bangunan yang terikat dengan akta tersebut akan melalui kaedah konservasi yang sama dan akan dipantau sepanjang masa. Hal ini kerana, bangunan seperti muzium Matang ini dianggap sebagai aset warisan Malaysia yang harus dijaga dan dilindungi. Disamping itu, kerja-kerja pemeliharaan yang dijalankan juga mempunyai konsep yang sama seperti kerja pemeliharaan pada bangunan sejarah yang lain. Namun, perbezaan kerja pemeliharaan ini adalah dari segi keperluan rawatan bagi jenis-jenis kerosakan semasa yang berlaku. Menurut ketua muzium Matang, segala bentuk kos dan kerja-kerja ini dipertanggungjawabkan secara khusus kepada pihak Jabatan Muzium Malaysia kerana bangunan ini berada dalam pengawasannya. Pihak JMM akan berurusan dengan kontraktor yang terpilih dalam menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan ini. Oleh itu, terdapat beberapa maklumat yang tidak boleh disampaikan kepada pengkaji disebabkan faktor maklumat sulit.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Pada bab 5 ini iaitu bab terakhir, segala maklumat terperinci mengenai kajian dari bab 1 sehingga bab 4 akan dirumuskan dalam keterangan yang lebih ringkas namun padat. Kesimpulan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang telah diperoleh dan diolah oleh pengkaji sendiri. Pada masa yang sama, kesimpulan yang diberikan ini akan dapat menunjukkan gambaran jelas mengenai kajian yang telah dijalankan iaitu berkaitan dengan kedua-dua objektif kajian yang menjadi nilai penting kepada bangunan rumah Ngah Ibrahim. Disamping itu, terdapat beberapa cadangan yang akan diusulkan dalam bab 5 ini. Cadangan ini dapat memberikan perubahan yang positif mengenai perspektif bangunan sejarah pada pandangan masyarakat dan dapat membantu dalam memperjuangkan nilai sejarah pada bangunan itu.

5.2 Rumusan Kajian

Secara ringkasnya, kajian yang dilakukan ini adalah sebuah analisis terhadap kepentingan pemuliharaan yang dilakukan pada bangunan Kompleks Sejarah Matang yang terletak di Perak. Fokus utama kajian ini adalah pada bangunan muzium tersebut yang merupakan bekas kediaman pembesar Larut Matang. Kajian yang dijalankan ini dapat dirumuskan melalui ringkasan dua

objektif yang telah dibincangkan. Objektif ini pula dapat menjawab kepada persoalan-persoalan kajian yang merupakan punca utama mengapa kajian ini harus dilaksanakan oleh pengkaji. Setiap proses perjalanan dalam melengkapkan kajian ini telah diterangkan mengikut bahagian-bahagian tertentu seperti pada bab pertama, kedua, ketiga, dan keempat. Bab-bab ini merupakan bukti kepada susur jalur proses dalam kelancaran pembikinan kajian ini.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dalam melengkapkan analisis data bagi objektif pertama iaitu mengenalpasti faktor-faktor kerosakan yang berlaku terhadap kompleks tersebut adalah lebih menjurus kepada faktor ekstrusif. Faktor ekstrusif adalah faktor luaran yang menyebabkan kerosakan kepada struktur bangunan sejarah tersebut. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi kerosakan bangunan muzium adalah seperti faktor manusia, faktor bencana alam, dan faktor kelembapan. Tiga punca kerosakan ini merupakan antara yang paling ketara terlihat semasa bangunan ini melalui proses pemeriksaan untuk kerja-kerja pemuliharaan dijalankan. Salah satu penyumbang terbesar kepada kewujudan faktor-faktor kerosakan ini adalah kerana lokasi kompleks tersebut yang mempunyai kelemahan persekitaran. Faktor kerosakan yang terjadi kepada bangunan muzium ini adalah antara faktor-faktor lazim yang sering kali berlaku kepada bangunan sejarah yang telah didirikan sejak bertahun lamanya. Oleh itu, bagi melengkapkan kajian ini sebuah objektif lain telah dibuat bagi menjawab kepada kaedah konservasi yang digunakan dalam menjaga bangunan tersebut.

Objektif kedua yang ditetapkan adalah mengetahui kaedah pemuliharaan dan pemeliharaan yang dijalankan pada bangunan Kompleks Sejarah Matang tersebut sepanjang bangunan itu berfungsi sebagai sebuah muzium. Objektif ini melibatkan dua kaedah iaitu dari segi pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap bangunan tersebut. Kaedah pemuliharaan telah dijalankan pada tahun 2000 dan dibuktikan melalui gambar-gambar yang telah direkod oleh pihak muzium. Pemuliharaan ini dapat memulihkan semula keadaan bangunan muzium ini selepas dijadikan sebagai sebuah sekolah rendah. Namun begitu, kaedah pemuliharaan yang dilakukan tidak melalui proses penambahan pada bangunan tersebut demi menjaga keaslian rekabentuk bangunan. Kaedah pemeliharaan pula seringkali dijalankan pada bangunan Kompleks Sejarah Matang untuk melindunginya daripada kerosakan semasa yang dipengaruhi oleh suasana persekitaran. Terdapat beberapa kaedah pemeliharaan yang dilaksanakan seperti rawatan serangga perosak, kerja-kerja saliran, dan kerja penyelenggaraan. Kaedah konservasi yang dilakukan ini perlulah bersesuaian dengan Akta Bangunan Warisan kerana bangunan ini merupakan milik persekutuan dan bukannya waris pembesar Larut Matang tersebut.

Kesimpulannya, segala usaha telah diberikan dalam melengkapkan kajian ini dari mula sehingga akhir. Walaupun terdapat beberapa halangan dan kesukaran seperti kawasan kompleks yang masih dalam proses naik taraf sehingga sukar untuk memperoleh data dalam bentuk gambar, keyakinan pengkaji dalam meneruskan kajian ini tidak dapat dilumpuhkan. Jutaan terima kasih juga diberikan kepada pihak Kompleks Sejarah Matang kerana membantu dalam mencari dan memberi gambar untuk dijadikan bukti terhadap

pemerolehan data kajian. Kajian yang dijalankan iaitu mengenai salah satu bangunan sejarah yang terdapat di negeri Perak ini diharapkan dapat membuka mata masyarakat mengenai kepentingan bangunan rumah bekas pemilik pembesar Melayu suatu ketika dahulu. Hal ini kerana, bangunan ini tidak begitu dikenali dalam kalangan masyarakat generasi kini sedangkan kompleks sejarah ini adalah salah satu kota Melayu yang masih bertahan di Perak. Maklumat ini diterangkan sendiri oleh ketua muzium tersebut. Oleh itu, diharapkan kajian yang dijalankan ini dapat menyedarkan masyarakat mengenai nilai warisan dan sejarah yang terdapat pada bangunan itu.

5.3 Cadangan Kajian

Kajian mengenai salah satu bangunan warisan di Matang ini mempunyai nilai istimewa dan menjadi bukti dari segi perjalanan sejarah di negeri Perak. Namun begitu, nilai warisan bangunan ini seolah-olah dilupakan oleh masyarakat terutamanya generasi kini. Kekurangan ini telah diakui oleh ketua muzium tersebut iaitu Puan Noraini. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang diusulkan oleh pengkaji dalam menjaga kualiti sejarah bangunan ini supaya sentiasa diingati dan dihargai oleh generasi sekarang.

5.3.1 Mempertingkatkan Kajian Lebih Mendalam Dan Menyeluruh Mengenai Pemuliharaan Kompleks Sejarah Matang

Kewujudan muzium Matang tidak beberapa dikenali dalam masyarakat sama ada di negeri Perak mahupun luar negeri. Populariti yang didapati pada bangunan ini sebagai sebuah kawasan bersejarah juga tidak

setanding dengan bangunan warisan yang lain seperti muzium Perak, muzium Darul Ridzuan mahupun Masjid Teluk Memali dan sebagainya. Jika dilihat, nama Kompleks Sejarah Matang sukar didapati dalam carian laman web ilmiah atau blog-blog berkaitan dengan warisan sedangkan kompleks tersebut merupakan salah satu sejarah Melayu yang telah lama wujud dan melalui pelbagai proses pemuliharaan dan pemeliharaan bagi menjaga kualiti bangunan itu. Kekurangan ini membuatkan nama Kompleks Sejarah Matang tidak beberapa dikenali oleh masyarakat seperti pelajar universiti mahupun masyarakat luar daripada daerah Larut, Matang dan Selama. Oleh itu, antara cadangan yang dapat diusulkan oleh pengkaji adalah dengan berharap supaya penyelidik seterusnya atau penyelidik pelapis ini mampu mempergiatkan lagi kajian berkaitan dengan rumah Ngah Ibrahim secara terperinci. Reka bentuk, nilai sejarah, dan latar belakang pemilik asal bangunan tersebut boleh dijadikan nilai asas kepada kajian yang dilakukan. Namun, diharapkan lebih utama sekali adalah fokus kepada bangunan tersebut yang telah mengalami proses pemuliharaan sebelum diwartakan sebagai muzium suatu ketika dahulu. Kaedah pemeliharaan juga masih diteruskan bagi menjaga nilai keaslian bangunan tersebut agar dapat diteroka oleh pengkaji yang lain. Diharapkan agar Kompleks Sejarah Matang ini dapat berdiri setanding dengan bangunan-bangunan bersejarah yang lain. Pada masa yang sama, masyarakat dari luar negeri Perak dapat mengetahui mengenai kewujudan muzium Matang setelah melayari media sosial atau melihat kajian yang dipaparkan.

5.3.2 Mempromosikan Bangunan Kompleks Sejarah Matang Dalam Kurikulum Sekolah

Nilai warisan muzium Matang amatlah besar kepada aspek sejarah terutamanya bagi negeri Perak. Hal ini kerana, bangunan tersebut merupakan kediaman pembesar Melayu Matang iaitu Tengku Menteri Ngah Ibrahim bin Long Jaafar. Malahan, kewujudan bangunan ini telah lama beroperasi lebih daripada 100 tahun dan menjadi saksi kepada proses pembangunan ekonomi di daerah Larut tersebut. Namun begitu, kewujudan bangunan sejarah ini tidak mendapat liputan yang meluas dalam aspek kurikulum sekolah terutama dari segi kerosakan yang telah berlaku pada bangunan sejarah. Hanya beberapa perkara sahaja yang disentuh dan ditekankan dalam pembelajaran subjek sejarah mengenai daerah Matang iaitu berkaitan dengan asal usul nama kawasan Matang, sejarah kewujudan bijih timah di kawasan tersebut, dan biografi mengenai Tengku Menteri Ngah Ibrahim. Fokus dari aspek bangunan rumah Ngah Ibrahim tidak diperincikan dalam kurikulum sekolah.

Kewujudan bangunan rumah Ngah Ibrahim tidak ditekankan secara mendalam kepada pelajar-pelajar sekolah dalam pendidikan. Hal ini amat mendukacitakan kerana bangunan ini mempunyai keistimewaan dari segi nilai sejarah dan estetik yang tidak mampu diterjemahkan. Kewujudan bangunan muzium ini yang dilindungi oleh tembok dapat menunjukkan kemegahan dan kekuasaan kediaman tersebut suatu ketika dahulu. Malahan, Kompleks Sejarah Matang ini merupakan satu-satunya kota Melayu yang masih berfungsi dan dijaga di negeri Perak. Oleh itu, pihak

yang bertanggungjawab seperti pihak kementerian pendidikan haruslah memperincikan mengenai bangunan-bangunan sejarah di Malaysia agar dapat diketengahkan secara mendalam kepada pelajar sekolah sama ada kategori sekolah rendah mahupun menengah. Malahan, terdapat juga nilai pendidikan yang boleh dipelajari dari segi kerosakan-kerosakan yang berlaku kepada bangunan tersebut. Terdapat juga pelbagai bangunan-bangunan sejarah yang masih lagi berada dalam keadaan terbiar dan kurang mendapat sambutan. Secara tidak langsung, pelajar akan sentiasa mengetahui dan meneroka sejarah bangunan-bangunan warisan di Malaysia seperti bangunan Kompleks Sejarah Matang ini.

5.4 Penutup



Rajah 5.1: Seni bina bangunan Kompleks Sejarah Matang di Perak.

Sumber: Kajian Lapangan

Pemilihan Kompleks Sejarah Matang sebagai sebuah kajian penyelidikan adalah untuk menambahkan lagi pengetahuan mengenai kaedah konservasi yang dilaksanakan pada bangunan warisan. Salah satu harapan pengkaji dalam melengkapkan kajian ini adalah dapat dijadikan sebagai sumber rujukan akademik untuk pelajar sekolah, universiti mahupun pendidik di luar sana. Kekurangan bahan kajian yang sedia ada membuka peluang dan minat pengkaji untuk menerokai sejarah yang terdapat pada kewujudan bangunan kompleks ini. Seni reka bentuk bangunan yang dipengaruhi sepenuhnya daripada budaya Melayu seperti yang ditunjukkan pada rajah 5.1 dapat membuahkan minat dalam mengetahui kaedah-kaedah pemuliharaan yang telah dilaksanakan bagi menjaga struktur bangunan lama itu.

Harapan terakhir pengkaji adalah supaya bangunan muzium ini terus dipelihara dan dikenali oleh masyarakat dari pelbagai aspek umur, bangsa, dan negeri. Kewujudan bangunan yang merupakan tinggalan sejarah Melayu adalah sesuatu yang amat bernilai kepada asal usul bangsa. Kerjasama yang terjalin antara pihak-pihak tertentu diharapkan dapat mempergiatkan lagi promosi kawasan kompleks ini kepada masyarakat. Hal ini kerana, masyarakat lebih tertarik kepada peninggalan penjajah berbanding sejarah ataupun memori yang ditinggalkan oleh pejuang-pejuang Melayu terdahulu. Minat dalam menghargai tinggalan penjajah adalah sesuatu yang bagus namun jika tinggalan pejuang Melayu ini tidak diendahkan ataupun tidak dipandang serius oleh masyarakat, segala bukti peninggalan ini akan hilang ditenggelam zaman. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat membantu dalam mengharmonikan

semula kepentingan bangunan Kompleks Sejarah Matang kepada pembaca yang meneliti penyelidikan ini.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ETKWW

RUJUKAN

- Abdul Aziz Hussin. (2011). *Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan di Malaysia*. Universiti Sains Malaysia. Diperolehi daripada <https://books.google.com.my/books?id=MhhABAAAQBAJ&pg=PT106&dq=kota+ngah+ibrahim&hl=en&sa=X&ved=2ahUKEwigwo3hrMrtAhU-gtgFHb44CBkQ6AEwBXoECAYQAg#v=onepage&q=kota%20ngah%20ibrahim&f=false>
- Abu Talib Ahmad. (2015). *Museums in the Northern Region of Peninsula Malaysia and Cultural Heritage*. Diperolehi daripada http://web.usm.my/kajh/vol22_2_2015/Art%202-Edit.pdf
- Daeng Haliza Daeng Jamal & Zuliskandar Ramli. (2015). *Pemerhatian Awal: Kesedaran Komuniti Tempatan Terhadap Pemuliharaan dan Penyesuaigunaan Semula Bangunan Warisan di Perak*. Diperolehi daripada https://www.researchgate.net/publication/305283795_Pemerhatian_awal_kesedaran_komuniti_tempatan_terhadap_pemuliharaan_dan_penyesuaigunaan_semula_bangunan_warisan_di_Perak
- Fairul Asmaini Mohd Pilus. (2019, Mac, 9). *Gamitan Bandar Pencen*. Harian Metro. Diambil daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/03/431660/gamitan-bandar-pencen>
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Pertama*. (1989). Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur.
- Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga JMM Bil.7/2021. (n.d.). Diperolehi pada Januari 29, 2022 daripada <http://www.jmm.gov.my/ms/content/keputusan-mesyuarat-jawatankuasa-sebutharga-jmm-bil72021>
- Kompleks Sejarah Matang*. (n.d.). Diperolehi pada April 27, 2021 daripada <http://www.mptaiping.gov.my/ms/pelawat/destinasi-menarik/kompleks-sejarah-matang>

Pengenalan Konservasi. (n.d.). Diperolehi pada April 27, 2021 daripada <http://www.heritage.gov.my/>

Mohamad Fauzan Zuraiddi, Zuliskandar Ramli, Shamsuddin Ahmad. (2020). *Kewujudan Kota Raja Melewar Berdasarkan Sumber Bertulis dan Data Lapangan.* Diperolehi daripada <http://spaj.ukm.my/jurnalarkeologi/index.php/jurnalarkeologi/article/view/209>

Mustafa Hussain (n.d). *Sejarah Matang dalam Cerita Lisan.* Diperolehi daripada <http://myrepositori.pnm.gov.my/handle/123456789/3537>

Noraini, Nordiana. (2021, September, 28). *Faktor kerosakan bangunan dan kaedah pemuliharaan bangunan muzium Matang.* Muzium Matang.

Nordiana. (2021, Ogos, 11). *Proses Pemohonan Menjalankan Kajian di Muzium Matang.*

Nordin Hussin, M.A. (n.d). *Larut, Matang dan Selama: Suatu Sorotan Sejarah.* Diperolehi https://myrepositori.pnm.gov.my/bitstream/123456789/3152/1/MDSS_1992_Bil.2_0_3.pdf

Norzamira Che Noh. (2021, Januari, 31). *Pemuliharaan Bangunan Bersejarah Perlu Lebih Intensif.* Harian Metro. Diambil daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/669752/pemuliharaan-bangunan-bersejarah-perlu-lebih-intensif>

Notis Sebutharga Kerja-Kerja Baikpulih Surau, Pembaikan Tandas, dan Kemudahan Fasiliti Serta Kerja Berkaitan di Muzium Matang Perak. (n.d.) Diperolehi pada Januari 29, 2022 daripada <http://www.jmm.gov.my/ms/content/notis-sebut-harga-kerja-kerja-baikpulih-surau-pembaikan-tandas-dan-kemudahan-fasiliti-serta>


Notis Sebutharga Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Saliran dan Kerja Berkaitan di Kawasan Rumah Ngah Ibrahim, Muzium Matang, Perak. (n.d.) Diperolehi pada Oktober 7, 2021 daripada <http://www.jmm.gov.my/ms/content/kerja-kerja-penyelenggaraan-sistem-saliran-dan-lain-lain-kerja-berkaitan-di-kawasan-rumah>

- Rika Susanto & Hasti Tarekat (n.d.). *Piagam Burra (Piagam ICOMOS Australia untuk Tempat-Tempat Bersignifikasi Budaya)*. Diperolehi daripada https://www.icomos.org/charters/burra1999_indonesian.pdf
- S.N Harun. (2011). *Heritage Building Conservation in Malaysia : Experience and Challenges*. Diperolehi daripada https://www.researchgate.net/publication/271862133_Heritage_Building_Conservation_in_Malaysia_Experience_and_Challenges
- Sejarah Bandar Taiping*. (n.d.). Diperolehi pada April 26, 2021 daripada <https://pdttaiping.perak.gov.my/ms/sejarah>
- Sejarah Ringkas*. (n.d.). Diperolehi pada April 26, 2021 daripada <https://www.perak.gov.my/index.php/en/18-kerajaan-negeri/31-sejarah-ringkas-negeri-perak>
- Yazid Saleh, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah, Nasir Nayan, & Mohamadisa Hashim. (n.d.). *Peranan Kerajaan Tempatan dalam Pemuliharaan Bandar: Kajian Kes Majlis Perbandaran Taiping. Jurnal Perspektif Jil. 3 Bil. 1 (95-104)*.
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, Ab Samad Kechot. (2011). *Akta Warisan Kebangsaan 2005: Tinjauan Sepintas Lalu*. Diperolehi daripada <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/5027>

LAMPIRAN

Soalan yang disediakan semasa sesi temu bual:

1. Kompleks Sejarah Matang adalah sebuah bangunan bersejarah yang telah lama wujud. Banyak peristiwa yang telah berlaku di kawasan tersebut. Jadi, sebelum bangunan ini diwartakan sebagai sebuah muzium, wajar untuk saya katakan bahawa bangunan ini telah mengalami beberapa kerosakan. Oleh itu, boleh saya tahu jenis-jenis kerosakan yang telah berlaku pada bangunan ini sebelum dijadikan sebagai muzium?
2. Kerosakan yang berlaku pada bangunan muzium ini mungkin disebabkan beberapa faktor yang sering berlaku pada bangunan-bangunan lama. Faktor ini juga seringkali dikaitkan sama ada dari segi ekstrusif ataupun intrusif. Jadi, boleh jika sekiranya puan terangkan serba sedikit mengenai faktor-faktor yang telah mengakibatkan kerosakan pada bangunan kompleks ini?
3. Berdasarkan carian di internet, kerja pembaikan telah dijalankan pada bangunan ini semasa tahun 2000. Boleh saya tahu jenis-jenis kaedah pemuliharaan yang telah dijalankan pada Kompleks Sejarah Matang ini untuk menjaga semula nilai yang terdapat pada bangunan tersebut?
4. Boleh puan terangkan jika terdapat kaedah konservasi yang masih lagi dilakukan pada bangunan tersebut untuk menjaga bangunan itu dari semasa ke semasa?
5. Apakah terdapat pengubahsuaian pada bangunan warisan ini daripada bentuk yang asal? Pengubahsuaian ini mungkin dari segi bahagian dalaman atau luaran muzium.

- 
- 
6. Boleh saya tahu, adakah terdapat usaha daripada pihak-pihak lain dalam memulihara atau menjaga Kompleks Sejarah Matang ini selain daripada pihak muzium sendiri?
 7. Boleh saya tahu, adakah terdapat elemen keistimewaan pada struktur bangunan warisan ini? Mungkin dari segi simbolik bangunan atau keunikan pada pembinaan bangunan bersejarah ini.
 8. Pada pendapat puan berdasarkan pengalaman sendiri, adakah generasi kini masih lagi menghargai bangunan bersejarah seperti rumah Ngah Ibrahim ini?

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Faculty of Creative Technology and Heritage

RUI. KAMI (Our Ref) : UMK.A02.600-4/7/4 JILID 2 (48)
TARIKH (Date) : 25 JULAI 2021

MUZIUM MATANG
KAMPUNG PEKAN MATANG
34750
MATANG
PERAK

Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT 4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	Nurfarah Nasuha Binti Norhamidi	C18A0330	980919086230	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"
"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

**CARTA GANTT SEPANJANG MENJALANKAN KAJIAN PENYELIDIKAN
DAN MENYEDIAKAN LAPORAN PENULISAN PELAKSANAAN DRAF
METODOLOGI PENYELIDIKAN**

**(KEPENTINGAN PEMULIHARAAN KOMPLEKS SEJARAH MATANG DI
PERAK)**

Carta gantt

(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)

Tahun/ Semester	Semester Februari 2021				Semester September 2021				2022
Bulan	Mac	April	May	Jun	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan
Aktiviti									
Perjumpaan Bersama Penyelia (Tajuk Kajian)									
Draf Awal									
Bab 1 : Pengenalan									
Bab 2 : Kajian Terdahulu									
Bab 3 : Metodologi Kajian									
Penyuntingan									
Pembentangan PP 1									
Pembetulan									
Penghantaran PP 1									
Draf Awal Bab 4 dan Bab 5									

Kumpul dan Analisis Data										
Penulisan dan Semakan Laporan										
Pembentangan Laporan Akhir										
Penyediaan Naskah Berjilid										

ETKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN